



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM 09 NOVEMBER 2011 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

**Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
(Timbalan Speaker)**

**Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)**

**Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
PJK. (Sungai Panjang)**

**Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN : Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Kedua Belas pada 9 November 2011 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN : Proklamasi**

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFIDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL Ehsan SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ SULTAN SELANGOR.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 72 Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam warta memanggil Dewan Negeri

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFIDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL

EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah perkara 70 Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 9 November 2011 hingga 11 November 2011 dan 14 November 2011 hingga 18 November 2011 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pada pukul 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 30 hari bulan September 2011.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Selamat sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Ketiga Dewan yang mulia ini bagi penggal keempat Dewan Negeri Selangor yang kedua belas. Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya meneruskan mesyuarat pada hari ini saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Puan Haniza binti Mohd Talha, Ahli Dewan Negeri Bagi Kawasan Taman Medan juga merangkap Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Panjang, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sani, Ahli Dewan Negeri Kawasan Dusun Tua sedang menunaikan ibadah haji. Mereka telah memohon cuti dan saya telah meluluskan cuti yang telah dikemukakan. Memandangkan Yang Berhormat Timbalan Speaker mengambil cuti maka ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada peraturan 6(3) Peraturan Tetap yang berbunyi " Pada bila masa mesyuarat bersidang Tuan Speaker bolehlah meminta seorang ahli mempengerusikan dewan itu bagi sementara waktu dengan tidak payah diberitahu dewan dengan secara rasmi dan ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu tetaplah terserah kepadanya semua kuasa Tuan Speaker sehingga Tuan Speaker balik semula mempengerusikan mesyuarat ".

Dengan itu saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas mesyuarat bilangan 22 tahun 2011
  - Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2012 – 2011) Rang Undang-Undang Peruntukan Diraja (Pindaan) 2011
- ii) Kertas mesyuarat bilangan 23 tahun 2011

- Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (3) 2011.
- iii) Kertas mesyuarat bilangan 24 tahun 2011
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- iv) Kertas mesyuarat bilangan 25 tahun 2011
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- v) Kertas mesyuarat bilangan 26 tahun 2011.
- Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.
- vi) Kertas mesyuarat bilangan 27 tahun 2011.
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Perbadanan Pertanian Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- vii) Kertas mesyuarat bilangan 28 tahun 2011.
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- viii) Kertas mesyuarat bilangan 29 tahun 2011.
- Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata -kewangan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- ix) Kertas mesyuarat bilangan 30 tahun 2011.
- Sijil Ketua Audit Negara dan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Bandar raya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Sabak Bernam.
- x) Kertas mesyuarat bilangan 31 tahun 2011
- Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Ketiga 2011 dan memorandum Perpendaharaan mengenai anggaran perbelanjaan perbekalan tambahan ketiga 2011 bagi Kerajaan Negeri Selangor.

- xi) Kertas mesyuarat bilangan 32 tahun 2011.
  - Laporan Tahunan Tabung Warisan Negeri Selangor tahun 2010.
- xii) Kertas mesyuarat bilangan 33 tahun 2011.
  - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2010.
- xiii) Kertas mesyuarat bilangan 34 tahun 2011.
  - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.
- xiv) Kertas mesyuarat bilangan 35 tahun 2011.
  - Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor 2012.
- xv) Kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPABBAS) Mengenai Laporan Lawatan-lawatan Jawatankuasa Pendengaran Tertutup.
- xvi) Kertas mesyuarat bilangan 37 tahun 2011.
  - Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor tahun 2010.
- xvii) Kertas mesyuarat bilangan 38 tahun 2011.
  - Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (Pindaan 2011).

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, soalan yang pertama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
( SRI SERDANG)**

**TAJUK: MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR**

1. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh penjawat awam yang mempunyai gaji RM1500 ke bawah di negeri Selangor.?
  - b) Adakah itu sahaja manfaat kepada penjawat awam yang telah bertungkus lumus bekerja membantu dan menjayakan kerajaan negeri Selangor ini?

- c) RM500 ribu telah digunakan untuk membina tadika rakyat di 9 buah sekolah Tamil. Adakah perkara ini hanya untuk memenuhi keperluan sesetengah pihak sekiranya konsep MES ini merentasi semua kaum dan bangsa?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Seri Serdang menanyakan tentang perkara Merakyatkan Ekonomi Selangor mengenai kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh penjawat awam yang mempunyai gaji RM1500 ke bawah di negeri Selangor. Dan adakah itu sahaja manfaat penjawat awam yang bertungkus-lumus bekerja membantu dan menjayakan kerajaan negeri Selangor ini? Jawapannya adalah semua rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan RM1500 dan ke bawah mempunyai peluang dan kesempatan untuk menerima program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Inilah program yang tidak mempunyai perbezaan. Tidak dipilih tetapi mengikut sara hidup. Oleh sebab itulah program ini disebut Merakyatkan dan semua rakyat Selangor mempunyai hak terhadap pelbagai program yang kita lakukan.

Kedua, soalannya adakah program-program untuk penjawat awam? Jawapannya ada. Kita memberikan beberapa usaha supaya keupayaan penjawat awam itu dapat dipertingkatkan. Dengan cara itu kerjaya mereka dapat diperhebatkan dan ini pun termasuk dalam program-program tertentu dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Jadi, tidak ada masyarakat negeri Selangor ini ketinggalan.

Ketiga, saya rasa saya kena bacakan soalan ini supaya soalan ini difahami oleh rakyat Selangor. Sebanyak lima ratus ribu ringgit digunakan untuk membina tadika rakyat di sembilan buah sekolah Tamil. Adakah perkara ini hanya untuk memenuhi keperluan setengah pihak sekiranya konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor ini merentasi semua kaum dan bangsa? Merakyatkan ekonomi maknanya, semua kaum merasa. Maksudnya; daripada segi persekolahan sudah tentulah terdapat sekolah agama rakyat, sekolah kebangsaan, sekolah untuk masyarakat Cina dan sekolah Tamil khususnya untuk masyarakat India. Ini adalah bertujuan untuk memberi sokongan dan lima ratus ribu ringgit ini digunakan untuk membina tadika di Sekolah Jenis Kebangsaan Permata di Sepang, 2 bilik darjah didirikan dengan perbelanjaan lapan puluh lima ribu, sekolah jenis kebangsaan Tamil Sungai Bernam, Sabak Bernam empat puluh lima ribu, di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Rotan Baru, Kuala Selangor Satu sebanyak empat puluh lima ribu, Sekolah Jenis Kebangsaan Anfield di Petaling lapan puluh lima ribu, di Bukit Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Dara, Kuala Selangor lapan puluh lima ribu, Sekolah Jenis Kebangsaan Ladang Offul di Kuala Selangor, Sekolah Jenis Kebangsaan Vest Country Sepang dibelanjakan empat puluh lima ribu, tiap-tiap satu Sekolah Jenis Kebangsaan Akok Klang dibelanjakan lapan puluh lima ribu, Sekolah Jenis Kebangsaan Bukit Raja Klang lapan puluh ribu.

Persoalannya; adakah Seri Serdang mempersoalkan rakyat yang pergi ke sekolah kebangsaan Tamil ini tidak berhak untuk mendapatkan program Merakyatkan Ekonomi? Kedua, persoalannya merakyatkan ekonomi juga diperuntukkan untuk Sekolah Agama Rakyat dan kajian menunjukkan peruntukan itu jauh lebih besar daripada peruntukan sekolah Tamil. Kerajaan juga memberikan peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan peruntukan itu saya anggap lebih besar daripada peruntukan ini. Jadi soalan yang mengatakan konsep merakyatkan ini untuk memenuhi keperluan setengah pihak adalah satu soalan yang tak perlu disoal dalam usaha membangunkan masyarakat majmuk. Ini satu masyarakat Malaysia saya tidak tahu bahawa jika Ketua Pembangkang yang mewakili UMNO mengatakan mereka ini tidak mempunyai hak ke atas pembangunan ini...Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Seri Serdang sila berdiri....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan, saya juga ingin tahu baru-baru ini ada satu kenyataan daripada rakan sekutu Pakatan Rakyat yang ingin mengurangkan apa ini, tugas-tugas atau mengurangkan kakitangan kerajaan atau pun penjawat awam. Jadi saya nak tanya juga soalan ini adakah kerajaan negeri Selangor ini juga berhajat atau pun menerima saranan daripada wakil rakyat berkenaan.

**TUAN SPEAKER** : Ini di luar soalan pokok. Baik Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Baik Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya ingin meminta .....

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan, duduk dulu....

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : ....ya kata tentang soalan saya....

**TUAN SPEAKER** : Ya soalan pokok adalah soalan merakyatkan ekonomi Selangor tapi soalan tambahan daripada Yang Berhormat adalah kenyataan yang dibuat oleh seorang Ahli Parlimen, itu sudah di luar daripada soalan pokok tidak kena mengena dengan soalan pokok.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya rasa ini juga ada hubung kait tentang soalan saya tentang penjawat awam jadi saya nak bertanya saja adakah juga kerajaan negeri menerima pakai saranan daripada rakan sekutu itu kerana pendapat dia kerana ini ada juga hubung kait tentang penjawat awam, jadi penjawat awam di negeri Selangor ini bagaimana.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk. Baik itu rasa perasaan daripada Seri Serdang. Di sini kita tidak mengendalikan perasaan Seri Serdang kita buat tafsiran kita lihat ini adalah soalan berkenaan merakyatkan ekonomi Selangor jadi itu adalah satu

kenyataan yang dibuat oleh Ahli Parlimen yang tidak ada kena mengena dengan dewan ini dan juga perkara yang dibangkitkan tidak kena mengena dengan soalan pokok. Jadi itu adalah keputusan saya dan silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan merakyatkan definisi merakyatkan ekonomi Selangor ini cukup luas dan bukan saja rakyat Selangor khususnya golongan bawahan telah kerajaan negeri bantu dalam program merakyatkan ekonomi malah dalam konteks penjawat awam ini yang gaji bawah RM1,500 ini yang sering kali kekurangan wang untuk menyara hidup keluarga mereka sehingga terpaksa meminjam wang daripada Ah Long dan pendapatan mereka tidak cukup maka dengan itu apakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan para penjawat awam yang kurang daripada RM1,500 ini supaya sepadan dengan dasar kerajaan ini iaitu paras garis kemiskinan PJK RM1,500 sama ada dengan elaun dan sebagainya supaya kakitangan awam, penjawat awam juga dapat memperoleh RM1,500 selaras dengan paras garis kemiskinan, sekian terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker, soalan ini agak lari tetapi saya sanggup menjawabnya sebab yang penting bahawa semua rakyat Selangor mempunyai hak terhadap hasil negeri. Oleh sebab itu kita nyatakan pada tahun lepas iaitu hasil negeri untuk rakyat, semua rakyat Selangor. Kedua sudah tentulah kita mengambil kira tentang pendapatan semua rakyat dan pada kita pendapatan RM1,500 dan ke bawah untuk membiayai perbelanjaan keluarga di Selangor adalah tidak mencukupi. Oleh sebab itu kita katakan paras kemiskinan untuk membiayai keluarga tersebut, suami isteri dan tiga orang anak adalah satu angka yang perlu dibetulkan iaitu usaha untuk mempertingkatkan pendapatan mereka. Jadi pada saya, kita sekarang sudah membuat berapa rangka bagaimana menyelesaikan masalah jurang pendapatan di antara mereka yang mendapat pendapatan yang banyak dengan begitu ramai rakyat yang masih di bawah paras kemiskinan yang kita tetapkan, iaitu di bawah RM1,500. Walau bagaimanapun, kerajaan Persekutuan hanya menggunakan pada dasarnya angka RM700.00 dan ke bawah. Kita tidak menerima kenyataan tersebut. Oleh itu semua usaha akan dilakukan supaya setiap rakyat Selangor, keluarga dan rakyat Selangor akan mendapatkan sekurang-kurang RM1,500 dan ke bawah dan jika tidak mereka juga mempunyai kesempatan untuk mendapat peringatan dan kebijakan yang dibuat dalam dasar merakyatkan ekonomi Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker penjelasan...

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali...

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Terima kasih Tuan Speaker, cuma saya kurang jelas berkaitan program MES untuk penjawat awam. Bolehkah Ijok terangkan pada saya apakah program-program yang telah dilakukan untuk penjawat awam dan

sepatutnya program seperti ini harus diperhebahkan kalau ada dan saya berharap juga supaya kakitangan awam kerajaan di negeri Selangor ini juga mendapat pembelaan yang sewajarnya dalam program MES dan bukannya hendak dikurangkan atau pun dibuang. Terima kasih Speaker.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini termasuk semua rakyat Selangor dan program untuk mempertahankan penjawat awam adalah satu program yang kita rasa termasuk dalam kumpulan ini jadi untuk memperkatakan penjawat awam ini lebih penting daripada semua rakyat Selangor pun tidak betul. Tetapi penjawat awam sebagai warga kerja dalam kerajaan Negeri Selangor akan dipantau dan dilihat bagaimana kebijakan mereka ini dapat dipertingkatkan dan penjawat awam ini bukan hanya yang kita lihat bahawa apabila kita bincangkan belanjawan Negeri Selangor ini, kita sudah memperuntukkan peruntukan kumpulan wang untuk ganjaran dan juga pembayaran kepada mereka. Oleh itu perjuangan untuk mengatakan bahawa penjawat awam ini tidak di ambil kira itu bukan satu perjuangan yang kita anggap satu usaha yang tidak termasuk dalam merangka pembangunan Negeri Selangor. Semua rakyat Negeri Selangor sepatutnya mendapat hasil daripada pembangunan dan ini berbeza sebelum 2008. Sebelum 2008 kenyataan ini tidak dinyatakan begitu. Hanya hari ini hendak mengatakan untuk mempertahankan penjawat awam. Itu satu kenyataan yang tidak jelas dan sebenarnya, sepatutnya sejak merdeka lagi kita mesti mempertahankan kumpulan-kumpulan ini ....

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker soalan saya dia tidak jawab Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Baik Morib...

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER :** Ya apa....

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya nak tanya apa program MES untuk penjawat awam, dia tidak jawab soalan takkan ijok tak faham soalan saya. Soalan saya senang, apa program MES untuk penjawat awam. Cakap je ke...apa program dia. Itu yang saya tanya Tuan Speaker, saya tak nak minta lebih saya nak tanya apa program untuk MES kononnya, merompak ekonomi Selangor ke, merakyat ekonomi Selangor untuk penjawat awam itu soalan saya, terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya rasa Yang Amat Berhormat tadi sudah menjawab ya penjawat awam juga sebahagian daripada rakyat jadi tidak ada soal lagi sebab dia jawab, memang dia penjawat awam itu rakyat juga ....

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Memang dia jawab Tuan Speaker!!

**TUAN SPEAKER :** Saya belum cakap belum habis lagi.... (Tuan Speaker menutup pembesar suara)...bila Yang Berhormat cakap saya tak berhentikan, bila saya cakap Yang Berhormat pula nak .....duduk, duduk, duduk, duduk, duduk. Tengok Peraturan Tetap, tengok Peraturan Tetap bila Speaker cakap duduk dulu. Ialah saya tahu perangai Batang Kali ini, memang pilihanraya umum sudah dekat sebab itu nak cari publisiti sudahlah...tak perlulah. Dah jawab, dah jawab, dah jawab, penjelasan dah jawab. Penjawat awam juga rakyat saya rasa cukup ini adalah keputusan saya, ini adalah keputusan saya dipersilakan Sungai Pelek, Sungai Pelek nak tanya soalan tak, Sungai Pelek. Soalan berikutnya Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker tak berlaku adil kepada kita semua.

**TUAN SPEAKER :** Baik, duduk dulu, duduk dulu. Semua duduk dulu. Semua duduk dulu. Morib. Yang Berhormat sekalian, saya kira saya, Yang Berhormat sekalian sudah dengar tuduhan daripada Batang Kali bahawa Speaker tidak adil, takut, saya memberi amaran di bawah Peraturan 44 (1) supaya berhentikan perkara itu, kalau tidak saya akan ambil tindakan seterusnya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya tak takut Speaker, saya nak penjelasan. Hak saya.

**TUAN SPEAKER :** Saya suruh duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Ini hak saya

**TUAN SPEAKER :** Saya suruh duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Ini hak saya

**TUAN SPEAKER :** dan saya suruh duduk. Tiga kali saya beri amaran.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya tak peduli, saya nak penjelasan, ini guna Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Baik, sekarang saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan 44 (2) mengarahkan Batang Kali keluar daripada Dewan untuk satu hari.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, apakah ini satu keputusan. Saya nak penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Sila keluar, Bentara.

Pertelingkahan di dalam Dewan.

**TUAN SPEAKER :** Saya memberi amaran kepada semua pihak, sebab itulah Batang Kali sila keluar.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya tak nak keluar. Speaker nak buat apa?

**TUAN SPEAKER** : Saya kata keluar, Bentara.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Ini kerajaan apa ni? Mentang-mentang dia... dia ingat dia samseng ke?

**TUAN SPEAKER** : Kuang, saya beri amaran, saya beri amaran Kuang. Saya tak nak lagi ini berlaku.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pelek, saya beri amaran, saya beri amaran sekali lagi. Sungai Pelek nak tanya soalan ke tidak? Kuang saya beri amaran di bawah Peraturan 44 (1). Baik silakan Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SG. PELEK)**

**TAJUK:** **KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PENYELENGGARAAN KAWASAN TELAH DIAMBIL ALIH OLEH PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI NEGERI SELANGOR DARIPADA ALAM FLORA**

3. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar
  - a) Berapakah jumlah tunggakan hutang yang belum dijelaskan kepada Alam Flora?
  - b) Adakah perkhidmatan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan yang diberikan oleh PBT lebih berkesan?
  - c) Berapakah syarikat pembersihan ditamatkan kontrak dan berapa ramai pekerja-pekerja menghadapi masalah nafkah hidup?

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Tiada soalan. Sekarang soalan no. 3 dah.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Soalan no. 2 pun belum. Soalan no. 2 daripada Morib.

**TUAN SPEAKER** : Baik, nanti dulu sebab saya akan berikan kepada Morib kemudian. Baik. Silakan.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Nanti?

**TUAN SPEAKER:** Sekarang terus kepada soalan no. 3. Sungai Pelek sudah kemukakan. Saya sudah panggil dan saya janji akan kembali kepada soalan ke 2. Baik, silakan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIW:** Tuan Speaker, Sungai Pelek nak, ingin nak tahu apakah keadaan sekarang selepas kerja-kerja pembersihan awam dan juga kutipan sampah telah diambil alih oleh Pihak-pihak berkuasa Tempatan di negeri Selangor daripada Alam Flora. Tuan Speaker, Sungai Pelek nak tahu apakah jumlah tunggakan hutang yang belum dijelaskan kepada Alam Flora. Mengikut rekod yang kita ada, tunggakan hutang PBT kepada Alam Flora sebelum diambil alih adalah lebih kurang 90 juta. Bagaimanapun PBT masing-masing telah mengambil langkah untuk menjelaskan hutang ini dan sehingga 3 Oktober lebih kurang separuh ataupun 50% telah pun dibayar oleh PBT masing-masing kepada Alam Flora dan usaha untuk membayar Alam Flora akan diteruskan tetapi pada masa yang sama Alam Flora juga berhutang kepada PBT masing-masing kerana apabila Alam Flora mengambil alih kerja ini daripada PBT masing-masing mereka mengambil alih alat dan juga kenderaan termasuk lori dan sebagainya tetapi masih tidak menjelaskan hutang itu. Soalan mengenai tahap ataupun prestasi pembersihan selepas ambil alih saya ingin memberi beberapa contoh untuk mencerminkan prestasi PBT selepas ambil alih. Pihak MBSA mengatakan bahawa perkhidmatan kerja pembersihan dibuat oleh PBT secara tidak langsung, pemantauan akan dapat dijalankan secara terus tanpa ada orang tengah. Selain daripada itu, masalah aduan juga telah dapat dikurangkan. Berbanding sebelum proses pengambilalihan dilakukan oleh PBT. MPAJ turut menyatakan bahawa tahap keberkesanan dan kawalan terhadap pengambilalihan kerja-kerja tersebut dapat memudahkan sekarang, dapat memudahkan sebarang aduan dan tindakan pencegahan dilakukan dengan segera. MPK pula katakan mereka telah menambahkan kutipan sampah daripada 3 hari seminggu ke 4 hari seminggu untuk kawasan perumahan. Untuk kawasan komersial, juga ditambah daripada sekali sehari jadi 2 kali sehari. Jadi ini telah menunjukkan bahawa pada keseluruhannya pembersihan awam dan juga kutipan sampah dalam kawalan yang baik dan kita akan terus berusaha untuk menambahbaikkan prestasinya dan kerajaan telah memutuskan bahawa proses pengambilalihan kerja-kerja pembersihan awam akan dilaksanakan pada 1 Ogos 2011 tetapi berdasarkan kepada daripada keputusan tersebut pihak Alam Flora pula telah menyerahkan kerja-kerja pembersihan awam dan juga kutipan sampah kepada kerajaan negeri berkuat kuasa pada 16 Oktober 2011, maksudnya pada mulanya kerajaan negeri tidak bercadang untuk mengambil alih kutipan sampah, kita hanya bercadang untuk mengambil alih pembersihan awam tetapi kerana Alam Flora dia mahu menyerahkan juga kutipan sampah jadi kerajaan negeri telah dengan kerjasama semua PBT mengambil cabaran itu dan telah secara rasminya telah mengambil alih semua kerja termasuk pembersihan awam dan juga kutipan sampah pada 16 Oktober tahun ini. Lantaran daripada keputusan itu, Kerajaan negeri telah mengambil keputusan untuk menyerap semua kontraktor yang sedia ada secara interim sehingga 31 Disember 2011, tahun ini. Kita difahamkan ada pekerja-pekerja yang bekerja secara terus dengan Alam Flora. Ini adalah masalah di antara pekerja-pekerja Alam Flora jadi kerajaan tidak bercadang untuk campur tangan tetapi kerajaan negeri ada memberi arahan kepada semua PBT menyuruh mereka menggunakan budi bicara mereka masing-masing untuk mengambil kalau ada pekerja-pekerja yang dipecat ataupun

dikeluarkan daripada perkhidmatan Alam Flora mengikut keadaan masing-masing dan ini sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ok Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih. Saya agak tertarik dengan jawapan Pandamaran, menyatakan perbincangan di antara PBT supaya pekerja-pekerja Alam Flora yang sekarang menganggur ni boleh dibicarakan untuk mendapatkan jenis kerja tapi saya tak tahu kerja apa. Ada tak kerja kontrak pembersihan akan diberikan kepada pekerja itu atau kerja apa yang dimaksudkan. Selain daripada itu, saya difahamkan bahawa semua tender sudah dikeluarkan dan ada syarikat-syarikat yang tiada *compact lori* pun dapat kerja pembersihan membuang sampah itu. Jadi dua soalan tambahan saya, minta Pandamaran bagi penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, saya rasa Sg. Pelek telah keliru kerana sebenarnya kerja pembersihan ada dua kategori. Satu kategori ialah pembersihan awam iaitu termasuk mencuci longkang, mencuci jalan dan memotong rumput dan sebagainya dan kategori kedua adalah khas untuk kutipan sampah. Jadi kalau ada kontraktor yang tak ada lori tapi dia dapat kerja pembersihan awam itu tidak, itu adalah satu perkara yang normal yang bukan luar biasa. Hanya, kontraktor untuk kutipan sampah perlukan *compacter*, itu satu dan untuk pekerja

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Itulah yang saya maksudkan

**TUAN SPEAKER** : Nantilah Yang Berhormat, tak kan sudah 3 setengah tahun tak faham, tengah jawab ni.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Ok.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Saya teruskan, Tuan Speaker, bagi pekerja-pekerja untuk pembersihan awam dan juga kutipan sampah sentiasanya mereka adalah di bawah kontraktor ataupun syarikat-syarikat tertentu. Tak ada, tetapi separuhnya pekerja dia di bawa secara terus dari Alam Flora. Itu pekerja untuk Alam Flora, kakitangan Alam Flora jadi semua kontrak ataupun tender tidak boleh dikeluarkan lagi walaupun dikeluarkan pada masa suatu ketika tetapi telah diberhentikan kerana kita telah membuat keputusan untuk menyerapkan semua kontraktor yang sedia ada sehingga 31 Oktober. Jadi tidak ada satu kontraktor yang dibuang kerja kalau dia prestasi yang kurang baik itu, lain cerita. Jadi semua diserapkan, jadi tak ada yang menganggur yang menganggur itu adalah yang ditamatkan oleh Alam Flora secara terus. Jadi itu adalah masalah dalaman Alam Flora jadi kerajaan negeri tidak cadang campur tangan lah tapi tadi saya sudah beri jawapan kita memberi nasihat kepada semua PBT mengikut keadaan masing-masing kalau boleh menyerap juga pekerja-pekerja Alam Flora yang dipecat oleh syarikat itu. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Apa yang dimaksudkan oleh saya sebentar tadi adalah mengenai pengurusan sampah. Dari jawapan Yang Berhormat tadi mengaku bahawa kontrak sudah *devoid*, jadi selepas diberi kepada kontraktor-kontraktor yang sudah dilantik kemudian berlakunya ada kontraktor yang tidak ada lori *compact* kemudian bekukan sehingga sampai 31 Disember yang akan datang. Jadi ada tak pada waktu 31 Disember tahun ini perkara ini akan berulang lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIW** : Saya rasa ini adalah satu tuduhan sebab bagi rekod kita tak ada seorang kontraktor yang mengutip yang bertugas untuk kutipan sampah yang tiada *compacter*. Jadi kalau ada tuduhan itu, bagilah, secara spesifik supaya kita boleh ambil tindakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Saya boleh.

**TUAN SPEAKER** : Morib

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan no. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

2. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah fungsi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor sekarang?
- b) Apakah aktiviti dan produk pertanian yang menyumbang kepada ekonomi negeri Selangor khususnya dalam bidang pertanian yang dijalankan sekarang?
- c) Selepas hampir 4 tahun apakah transformasi yang kita boleh kongsi tentang Selangor *Fruit Valley* sekarang?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : *Bismillahhirrahmannirahim.*

*Assalammualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Morib, saya menjawab sekali soalan Bangi dan Lembah Jaya. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang telah ditubuhkan pada 2 Januari 1972 di bawah Enakmen No. 12 Tahun 1972 dan mula beroperasi pada 1 Mac 1973. PKPS telah diberi peranan untuk memajukan industri pertanian bagi membantu mempercepatkan pembangunan sosioekonomi negeri Selangor. Namun pada awal tahun 2009, PKPS telah mengubah hala tuju selaras dengan perubahan yang berlaku di peringkat jemaah ahli dan pengurusan atasan PKPS. Pengubahan hala tuju ini dibuat untuk menjadikan PKPS sebagai sebuah organisasi korporat yang berdaya maju dan kukuh dengan penumpuan yang lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti projek-projek pertanian secara komersial untuk tempoh jangka pendek dan tempoh jangka panjang.

Bagi soalan kedua, aktiviti dan produk pertanian yang menyumbang kepada ekonomi negeri Selangor yang dilaksanakan oleh PKPS adalah projek perladangan kelapa sawit di mana sebanyak 80% daripada keseluruhan aktiviti. Bakinya 20% lagi diperoleh daripada aktiviti berikut:-

- Sewaan Tanah
- Sewaan Bangunan
- Royalti Pasir dan “*Ball Clay*” dan
- Royalti Susu Getah

Selain daripada itu, projek yang dijalankan oleh anak-anak syarikat PKPS turut menyumbang kepada ekonomi negeri seperti berikut:-

- Projek Ternakan Ikan Tilapia
- Projek Pemberian Ikan Keli
- Projek Pasar Borong
- Projek Ladang Buah-buahan di Selangor *Fruits Valley*
- Projek Ternakan Ayam Daging dan
- Projek Ternakan Lembu Tenusu dan Lembu Integrasi

Yang ini kalau saya nak bawa, Yang Berhormat melawat ke projek ternakan lembu kita, kita pastikan tidak ada lembu berbeza dengan projek ternakan lembu besar-besaran Kerajaan Barisan Nasional yang menelan belanja ratusan juta tapi difahamkan lembunya tak ada. Kesemua aktiviti tersebut dijangka mampu meningkatkan kemajuan pertanian di negeri Selangor.

Bagi soalan ketiga yang berkaitan dengan Selangor *Fruit Valley*, yang saya rasa Sungai Air Tawar juga punya minat yang sama pada projek ini. Mulai 2 Januari 2010, PKPS telah mengambil alih semua aktiviti Selangor *Fruit Valley* daripada SOPIC. SOPIC ialah Selangor Oil Palm Industri Corporation Sdn Bhd untuk diuruskan secara langsung oleh Bahagian perladangan PKPS. Sehingga kini seluas 1015 hektar kawasan telah dimajukan keseluruhannya. Bagi belimbing, 81 hektar, tembikai 81 hektar, nangka 94 hektar, mangga 13 hektar, kelapa pandan 85 hektar, limau mexico 6 hektar, jambu batu 3 hektar, rambutan 3 hektar, limau kasturi 1 hektar, durian belanda 1 hektar, betik 57 hektar, *rock melon* 4 hektar, jambu air 9, tebu telur 8 dan tapai hibrid 60. Sementara tanam semula getah, aaa...rubber timber 30 hektar, nurseri kelapa sawit 12 hektar pejabat kolam dan jalan 74 dan bakinya 0-0 yang telah dikenal pasti untuk tanaman kontan 123 hektar. Ingin saya maklumkan di sini bahawa semenjak kita menguruskan Selangor *Fruit Valley* ini, pada tahun ini kita mencatatkan, mula mencatatkan keuntungan berbanding , saya nyatakan di sini. Pada tahun 2006, Selangor *Fruits Valley*, rugi RM1.196 juta, 2007 – RM834 juta, RM834,000, 2008 rugi RM720,000, 2009 rugi RM407,000, 2010 RM140,000 dan tahun ini Selangor *Fruits Valley* memulakan keuntungan RM408,000. Selangor *Fruits Valley* telah mencatat kerugian operasi walaupun mengeksport buah-buahan ini dahulu ke luar negara kerana kos belian buah-buahan dan kos penghantaran yang tinggi. Kerugian operasi ini tidak mengambil kira belanja pentadbiran, pemasaran dan kewangan. Pada keseluruhannya pengeluaran hasil ladang Selangor *Fruits Valley* 2011, Januari – September menunjukkan nilai jualan

berjumlah RM1.565 juta dengan pendekatan ini Selangor Valley telah mencatat keuntungan seperti yang saya nyatakan tadi. Soalan lain daripada Bangi, keuntungan terbesar daripada PKPS adalah daripada hasil pengurusan yang lebih teratur untuk ladang-ladang sawit PKPS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Soalan no.4

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PERANAN J/KUASA BERTINDAK KAMPUNG BARU (JBPKB)**

4. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kampung Baru (JBPKB) yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri untuk membantu penduduk dan waris penduduk asal Kampung Baru mempertahankan hak mereka dan bersama-sama membangunkan Kampung Baru.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa adalah mengenai peranan jawatankuasa bertindak Kampung Baru. Saya nak terangkan sejarah kampung baru iaitu penduduk Kampung Baru ini telah diberikan satu kuasa untuk menduduki kawasan tersebut melalui akta yang disebut *Malay Agriculture Settlement* dan *Malay Agriculture Settlement*. Undang-undang ini digubal pada tahun 1900. Maknanya ini mempunyai satu sejarah yang lama, serupa juga untuk tanah-tanah yang diberikan pada syarikat-syarikat besar , seperti Guthrie yang juga diberikan kuasa pemilikan tanah tersebut. Jawatankuasa berdasarkan *Malay Settlement Act* ini, pemilikan tanah di kampung baru telah diwujudkan tapi sekarang ada percubaan untuk membangunkan Kampung Baru ini dan pembangunan kampung baru ini dibuat berdasarkan bahawa masyarakat kampung baru ini perlukan pembangunan. Dan pembangunan ini berlandaskan satu akta iaitu akta pembangunan kampung baru yang pada awalnya cuba menghapuskan akta *Malay Agriculture Settlement*. Tapi akhirnya di Parlimen ia tidak dihapuskan kerana mereka beranggapan akta ini *valid* , masih lagi *valid* untuk menentukan hak-hak masyarakat di Kampung Baru.

Oleh sebab itulah, diadakan satu jawatankuasa bertindak iaitu pembangunan Kampung Bbaru sebab dahulunya Kampung Baru ini adalah dalam jagaan kerajaan negeri Selangor. Hanyalah pada tahun 1974 apabila kampung, seluruh dewan, seluruh bandar raya Kuala Lumpur itu diserahkan kepada kerajaan Persekutuan. Tetapi hubungan di antara kampung baru dengan negeri Selangor itu ada, antara lain Kelab Sultan Sulaiman, dianggap masih dalam milikan kerajaan negeri. Masjid Kampung Baru juga

ada hubungan yang rapat dengan kerajaan negeri dan juga *Malay Agriculture Settlement* juga dianggap ada mempunyai hubungan sekurang-kurangnya , hubungan usaha pembangunan di mana pada awalnya PKNS adalah antara syarikat kerajaan negeri yang ditugaskan untuk pembangunan di kampung baru. Oleh sebab itu, kita telah meminta satu jawatankuasa ditubuhkan untuk menolong masyarakat Kampung Baru menjaga kepentingan mereka. Dan saya telah meminta Dato Idris Ahmad, Dato' Dr. Idris Ahmad ialah wakil negeri Selangor di jawatankuasa penasihat bandar raya Kuala Lumpur. Dr.Idris Ahmad sebagai profesionnya ialah seorang *surgeon* yang bertugas dan sanggup memberikan masa beliau untuk mewakili negeri Selangor di lembaga penasihat bandar raya Kuala Lumpur supaya beliau juga dapat memantau tentang perkembangan dan pembangunan Kampung Baru ini supaya masyarakat Kampung Baru dapat diberikan peluang untuk menentukan pembangunan yang dibuat. Walau bagaimana pun pejabat Menteri Besar memberikan sokongan tentang usaha ini termasuk wakil-wakil dalam jawatankuasa ini ialah pegawai kanan perbadanan kemajuan negeri Selangor, pegawai permodalan ng. Selangor berhad dan juga Yayasan Selangor dimasukkan dalam sekretariat pembangunan Kampung Baru ini dan mereka-mereka yang juga wakil dari *Malay Argiculture Settlement* ini iaitu lembaga, Ahli-ahli Lembaga itu pun dimasukkan ke dalam ini. Tujuannya ialah bila pembangunan kampung baru ini dipersembahkan kepada masyarakat Kampung Baru, Jawatankuasa ini akan bersama-sama menilai, bersama-sama memberikan pandangan supaya pembangunan Kampung Baru ini dapat diurus dan diusahakan demi kebaikan masyarakat Kampung Baru dan juga sejarahnya yang ada hubungannya dengan negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Antarabangsa

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker dan, terima kasih YAB di atas jawapan yang telah diberikan. Kita dapat menyaksikan bahawa dalam negara kita hari ini khususnya sekitar bandar raya Kuala Lumpur, kita ada Little India di Brickfield, kita ada Little China di Petaling Street dan kita mendukung segala usaha yang telah dan akan dilakukan untuk menaik taraf kawasan-kawasan ini di samping mengekalkan pegangan terhadap pemilik-pemilik yang sedia ada di Little India dan juga Little China. Tapi nampaknya hari ini UMNO khususnya dalam keghairahan mempertahankan ketuanan Melayu, telah cuba menghapuskan Little Malay, di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur. Sebelum ini kita tidak pernah mendengar pimpinan ataupun kaum-kaum yang lain cuba merampas hak orang-orang Melayu di Kampung Baru tetapi hari ini amat mendukacitakan pemimpin-pemimpin Melayu UMNO sendiri yang merampas hak orang-orang Melayu di bandar raya Kuala Lumpur.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Maka, persoalan saya YAB Dato' Menteri Besar apakah peranan jawatankuasa ini untuk memberikan kefahaman kepada penduduk-penduduk di Kampung Baru tentang hak-hak mereka yang dijamin di dalam akta *Malay Argiculture Settlement* atau pun MAS ini yang telah dibentuk pada tahun 1900, hampir seratus tahun yang lalu dan saya juga ingin mendapat jaminan daripada YAB Dato' Menteri Besar, apakah konsep pembangunan yang akan dicadangkan oleh jawatankuasa ini akan menjamin warisan perkampungan Melayu di samping pembangunan yang holistik dari segi pembangunan moden pada hari ini. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Wilayah Persekutuan sudahpun cuba mengemukakan akta perbadanan pembangunan kampung baru 2011 yang dibuat secara tergesa-gesa. Jadi mereka cuba mengemukakan akta ini untuk mendapat kelulusan Parlimen dan pada mulanya akta itu dikemukakan di Sidang Parlimen pada 3 Oktober 2011 dan terpaksa ditarik balik oleh sebab ada perkara-perkara penting seperti *Malay Argiculture Settlement* itu cuba nak dimansuhkan dan selepas itu diganti dengan satu akta yang dikemukakan di Parlimen dan ini ditentang hebat oleh rakan-rakan yang memperjuangkan pembangunan yang mesti dibuat secara teratur di Kampung Baru.

Antaranya, saya ingin menyatakan Allahyarhamah YB Dr. Lulu sendiri sudah memperjuangkan bagaimana pembangunan Kampung Baru ini mesti dibuat dengan mengambil kira kehendak kesemua masyarakat di Kampung Baru dan 'survey' menunjukkan masyarakat Kampung Baru ingin terlibat menentukan pembangunan tersebut. Dan masyarakat Kampung Baru mahukan pembangunan tersebut dibincangkan dengan mereka supaya mereka dapat tahu apa akhirnya akan jadi kepada masyarakat di Kampung Baru ini. Tetapi yang jelas, apabila Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Baru itu dikemukakan, ia meninggalkan kehendak masyarakat di Kampung Baru tersebut. Jadi, tugas jawatankuasa yang ditubuhkan ini adalah untuk menentukan masyarakat Kampung Baru tidak akan terlepas peluang untuk menentukan pembangunan yang mereka kehendaki. Dan sokongan yang kita beri adalah kita juga merangka dan menolong merangka perancangan Kampung Baru tersebut dengan membawa pakar-pakar perancang tentang apakah yang bagusnya untuk Kampung Baru, dan untuk dinilai oleh pemilik-pemilik hartanah di Kampung Baru bukan daripada 'developer' yang dipilih oleh Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Kampung Baru. Ini bertujuan supaya mereka dapat keuntungan besar daripada pembangunan hartanah tersebut.

Oleh sebab itulah tanggungjawab kita, tanggungjawab jawatankuasa ini menerangkan kepada masyarakat Kampung Baru bahawa ia tidak mungkin hilang daripada segi konsep asal pemilikan mereka. Kedua, mereka tidak akan hilang daripada segi menentukan bahawa Kampung Baru masih lagi dalam pemilikan masyarakat Melayu dan Bumiputera. Juga mereka tidak hilang bahawa konsep pembangunan Kampung

Baru itu nanti dimiliki dan dikelola oleh masyarakat di Kampung Baru sendiri. Jadi itu usaha kita. Itu janji kita dan tanggungjawab kita sebagai negeri Selangor yang masyarakat Kampung Baru itu asalnya adalah orang Selangor. Dan mereka yang lahir sebelum tahun 1974 kebanyakannya warga emas di Kampung Baru menikmati Skim Mesra Usia Emas. Mereka dapat menyertai Skim Mesra Usia Emas, mereka dapat menyertai Program TAWAS dan banyak lagi program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang juga disalurkan jika mereka masih lagi dianggap sebagai rakyat Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK** : **PROGRAM MIKROKREDIT BANDAR (MIMBAR)**

5. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila beri statistik pinjam yang telah diberi mengikut DUN dan etnik?
- b) Sila berikan peratusan pembayaran baliknya

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada YB Tuan Kampung Tunku. Saya akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Sri Muda iaitu soalan 136 dan soalan daripada Balakong 212. Untuk soalan daripada Kampung Tunku, berapakah statistik pinjaman yang telah diberikan mengikut DUN dan etnik. Saya ingin membacakan pecahan mengikut DUN iaitu Balakong sebanyak 78 orang pinjaman, Bangi 22, Batu Caves 114, Batu Tiga 74, Bukit Antarabangsa 24, Bukit Gasing 1, Bukit Lanjan 6, Cempaka 35, Dengkil 10, Dusun Tua 14, Gombak Setia 97, Hulu Kelang 45, Kajang 45, Kinrara 42, Kota Alam Shah 15, Kota Anggerik 55, Kota Damansara 86, Kuang 69, Lembah Jaya 85, Meru 74, Pandamaran 6, Paya Jaras 48, Pelabuhan Klang 74, Rawang 54, Selat Klang 92, Sementa 72, Sepang 10, Sg. Pelek 30 orang, Sg. Pinang 14, Sri Andalas 56, Sri Kembangan 5, Sri Muda 70, Sri Serdang 60, Sri Setia 14, Subang Jaya 18, Taman Medan 60, Taman Templer 43, dan akhirnya Teratai 14 orang. Jadi jumlah keseluruhan peminjam Mikro Kredit Bandar adalah seramai 1731 orang yang mana jumlah ini telah kita berikan pinjaman bermula pada Mac 2011 sehingga 27 Oktober 2011 yang melibatkan sebanyak RM6,210,000.00 yang telah dikeluarkan daripada 20 juta peruntukan yang telah ditentukan. Jadi daripada itu, sebenarnya 38 DUN sahaja yang terlibat yang mana yang lagi 18 DUN itu adalah merupakan DUN di dalam pinjaman mikro kredit luar

bandar. Pecahan mengikut etnik pula, yang mana kalau kita lihat di sini Melayu daripada 1731 itu, jumlah peminjam Melayu adalah 1580, jumlah peminjam India 108, jumlah peminjam Cina daripada kaum Cina ialah 42, daripada orang asas 1 orang. Jadi kalau kita lihat pecahan ini adalah kalau kita lihat kenapa kurangnya, mungkin ada persoalan kenapa kurangnya peminjam daripada kaum India dan Cina, kita kena lihat bahawa pinjaman ini adalah dibuatkan berasaskan pinjaman perniagaan, jadi kalau ikut pinjaman kaum India, kebanyakannya mereka belum ada asas perniagaan tetapi kebanyakannya yang menerima sekarang ini pihak MIMBAR telah membantu mereka untuk memulakan perniagaan menurut kiosk yang telah kita sediakan seperti jualan ‘burger’ dan juga ‘ice blended’. Bagi peminjam kaum Cina juga, jumlah penerima agak sedikit di sini kerana kebanyakannya permohonan adalah memohon pinjaman melebihi RM5,000 jadi kalau kita lihat MIMBAR ini, hanyalah memberikan pinjaman kepada pemohon yang tidak melebihi RM5,000.

Jadi untuk soalan keduanya berapa peratus kah pembayaran balik yang telah dilakukan oleh pemohon, di sini saya akan berikan kepada 4 kategori trend pembayaran balik iaitu pertamanya kalau ikut dasar pinjaman balik ini, semua pemohon boleh membayar ataupun semua peminjam boleh membayar terus kepada *auto debit* dalam penggunaan potongan bank yang diadakan oleh arahan-arahan bank daripada Bank Islam dan juga Maybank, jadi 50% yang konsisten ataupun tetap membayar mengikut potongan bank. 15% lagi adalah mereka-mereka yang membuat pinjaman yang memerlukan pihak pegawai daripada MIMBAR pergi ke rumah dan mereka membuat bayaran secara penuh mengikut jumlah yang telah ditentukan oleh mereka. 26% pula adalah kutipan yang dibuat juga secara tunai ke rumah ataupun ke premis perniagaan tetapi mereka ini adalah golongan yang tidak membayar sebagaimana yang mereka janjikan. Contohnya kalau sepatutnya bayar RM100 setiap bulan, ada yang bayar, bulan ini dia bayar RM50, bulan depan dia bayar RM150, jadi tidak konsisten bayarannya mengikut jumlah yang telah mereka janji untuk membayar semula. Dan kategori keempat iaitu ini adalah golongan yang tidak dapat membayar balik iaitu 9%. 9% lagi adalah mereka yang merupakan peserta yang bermasalah yang tidak mengemukakan pembayaran. Jadi kalau kita lihat di sini, telah, kalau begini telah banyak usaha yang kita perlu tambah untuk memastikan bayaran ini dibuat, jadi kebanyakannya mereka ini tidak dibayar, tidak dapat dibayar balik majoritinya mereka tidak dapat dikesan, contohnya tempat tinggal pun dah tidak tinggal di situ dan premis tempat mereka berniaga pun tidak lagi di situ. Jadi, itu faktor, perkara-perkara pokok yang sekarang ini perlu kita selesaikan supaya akhirnya NPL sebanyak 9% ini dapat kita selesaikan bersama. Tetapi bagi mereka yang dapat kita jumpa, ya, jumpa balik, jadi kita memberikan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat bagaimana mereka boleh membayar pinjaman semula ataupun kita memastikan bahawa ataupun kita menentukan kepada kategori begini sebenarnya tidak mampu dan tidak berkemampuan membuat perniagaan dan kita akan letakkan mereka ini di dalam kategori mereka yang sepatutnya 100% diberi kebajikan sahaja

kecuali kalau mereka ini adalah individu yang, minta maaf saya guna perkataan ini malas ataupun tidak mahu berusaha untuk menambah pendapatan mereka. Jadi golongan yang sembilan ini kita dengan alhamdulillah, dengan adanya satu sistem ‘*data base*’ kebajikan bersepada, kita juga akan meletakkan mereka ini kategori yang kita telah kenal pasti latar belakang dan bagaimana untuk kita ‘*overcome*’ masalah yang ada.

Bagi menjawab sedikit tambahan daripada soalan Sri Muda itu iaitu apakah kejayaan, saya melihat bahawa MIMBAR sekarang ini telah pun memberi satu harapan baru kepada kebanyakannya kepada golongan peniaga-peniaga kecil yang kita lihat rata-rata mereka ini daripada menjual makanan-makanan di tepi jalan sehingga ada yang pemandu teksi yang telah kita berikan harapan kepada mereka mendapat pinjaman ini dan alhamdulillah mereka mendapat pinjaman ada yang 50% saya kata tadi itu bukan sahaja yang bayar balik konsisten tetapi yang dah bayar penuh dan membuat pinjaman semula kerana bagi mereka ini adalah salah satu kaedah yang boleh membantu mereka daripada terikat dengan pinjaman-pinjaman yang sebenarnya tidak orang kata, tidak munasabah itu, seperti ‘*Along*’ dan sebagainya sebab kita tahu golongan yang berpendapatan rendah ini, mereka ini selalunya tidak ada satu dokumen yang boleh memastikan mereka boleh mendapat pinjaman daripada pihak Bank dan sebagainya. Kelemahan saya tidak nafikan, kita sedang memperbaiki beberapa kelemahan yang ada seperti proses permohonan yang agak lambat ya, kerana saya dah bagi maklumkan tadi 9% daripada pemohon ini selalunya yang gagal itu, gagal bayaran balik adalah mereka yang tidak dapat akhirnya kita kesan. Sebab itu, semasa permohonan ada 5 tapisan yang kita buat yang akhirnya, tapisan yang terakhir itu kita kena siasat rumahnya di mana, premisnya di mana dan dokumen yang kita terima adalah dokumen yang sebenarnya kenalah sahih dari sudut dokumen itu sah dari sudut datanya tetapi dari sudut ‘*on the ground*’ ataupun di tempat-tempat kediaman dan juga premis juga wujud maklumat sebagaimana yang tertera di situ, Insya-Allah. Jadi, kelemahan itu kita sedang perbaiki sebab akhirnya saya mahukan supaya daripada bermula permohonan sehingga lah dapat penerima itu menerima ya, pinjaman seboleh mungkin, KPI kita adalah 1 bulan. Yang keduanya saya ingin menjawab soalan daripada Balakong yang mengatakan bahawa apakah yang jenis-jenis perniagaan itu, saya telah nyatakan tadi bahawa gerai makanan, makanan kering dan harian, pakaian, pakaian wanita ada, pakaian beribadat pun ada, aksesori wanita, pemandu teksi, bengkel baiki kereta dan yang lain-lain itu merupakan program yang direka bentuk sendiri oleh pihak MIMBAR untuk membantu mereka menambah pendapatan tetapi mereka belum, mereka sebelum ini membantu orang lain berniaga tetapi kali ini kita bagi mereka kiosk ‘*burger*’ dan juga kiosk ‘*ice blended*’. Sekian sahaja Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR**  
**(BANGI)**

**TAJUK : PELABUR ASING MENINGKAT**

6. Pelaburan luar di negeri Selangor, setengah tahun 2011 meningkat hingga RM 5.2 bilion.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor peningkatan pelaburan luar di negeri Selangor?
- b) Berikan 10 negara luar tertinggi melabur di Malaysia dengan bidang dan jumlah pelaburan.
- c) Apakah insentif yang ditawarkan kepada negara luar berkenaan bagi mengekalkan pelaburan mereka?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Yang Berhormat Bangi tanya apakah faktor-faktor peningkatan pelaburan luar di negeri Selangor. Jawapannya ialah statistik pelaburan terkini bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 bahawa negeri Selangor bertambah maju dan berdaya saing dengan mencatat jumlah pelaburan RM5.9 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 183 buah projek telah diluluskan dan mewujudkan 12,259 ribu peluang pekerjaan. Pelaburan asing mencatat jumlah RM3.49 bilion. Antara faktor-faktor yang mendorong peningkatan pelaburan asing ialah:-

- i. Konsep Mesra Pelabur yang dilaksanakan seperti kekerapan mengadakan lawatan ke tapak-tapak projek industri dan mendapatkan maklum balas untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri.
- ii. Menyelenggarakan dan menaik taraf infrastruktur di kawasan perindustrian serta menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif seperti Selangor *Science Park*, dua Port Klang *Free Zone* dan sebagainya.
- iii. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak Menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan melalui *One Stop Centre* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

- iv. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan serta mempromosi peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- v. Penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- vi. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- vii. Pemantauan lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan asing dan tempatan yang sedang dilaksanakan.
- viii. Pengajuran dan penyertaan dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar Negara.
- ix. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di negeri Selangor.
- x. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu, memantau dan menyelesaikan permasalahan para pelabur asing terutamanya.

Yang Berhormat Bangi juga tanya tentang berikan 10 Negara Luar tertinggi melabur di Malaysia dengan bidang dan juga pelaburan.

Jawapannya ialah:-

10 pelabur asing yang membuat pelaburan tertinggi di Selangor bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 ialah seperti berikut:-

- i. Jepun : Jumlah pelaburan RM1.18 bilion dengan 18 projek yang diluluskan dan mewujudkan 1,151 peluang pekerjaan.
- ii. Korea : Jumlah pelaburan RM652 juta dengan 3 projek yang diluluskan dan mewujudkan 387 peluang pekerjaan.
- iii. Singapura : Jumlah pelaburan RM511 juta dengan 9 projek yang telah diluluskan dan mewujudkan 897 peluang pekerjaan.
- iv. Taiwan : Jumlah pelaburan RM385.5 juta dengan 6 projek yang diluluskan dan mewujudkan 2,041 peluang pekerjaan.

- v. Sweden : Jumlah pelaburan RM216.8 juta dengan 1 projek yang diluluskan dan mewujudkan 173 peluang pekerjaan.
- vi. Australia : Jumlah pelaburan RM115.4 juta dengan 5 projek yang diluluskan dan mewujudkan 504 potensi pekerjaan.
- vii. Switzerland: Jumlah pelaburan RM92 juta dengan 1 projek yang diluluskan dan mewujudkan 22 peluang pekerjaan.
- viii. China : Jumlah pelaburan RM66.814 juta dengan 6 projek yang diluluskan dan mewujudkan 690 peluang pekerjaan.
- ix. United Kingdom : Jumlah pelaburan RM27.577 juta dengan 3 projek yang diluluskan dan mewujudkan 37 peluang pekerjaan.
- x. India : Jumlah pelaburan RM24.56 juta dengan 1 projek yang telah diluluskan dan mewujudkan 35 peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Bangi, yang juga tanya apakah insentif yang ditawarkan kepada negara luar berkenaan bagi mengekalkan pelaburan mereka. Jadi jawapannya ialah:

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan memberi insentif kepada para pelabur. Antara insentif bagi sektor pembuatan adalah seperti berikut:-

- i. Insentif utk pekilang berteknologi tinggi.
- ii. Insentif untuk projek-projek strategik.
- iii. Insentif untuk industri automotif seperti komponen atau sistem komponen.
- iv. Insentif untuk peralatan mesin.
- v. Insentif untuk pelaburan semula.

Sekian.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Bangi sila.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Setakat ini adakah kerajaan persekutuan memberi kerjasama yang baik terhadap pelaburan asing di negeri Selangor? Kalau tidak mengapa. Daripada hasil ini pada jangkaan kerajaan persekutuan lebih banyak dapat faedah atau negeri daripada pertambahan pelaburan negeri di Selangor.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, boleh saya tanya dengan Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER** : Sekarang ini soalan ini?

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Berkait, berkait

**TUAN SPEAKER** : Nantilah soalan ini, satu demi satu.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tak berkait dengan apa .....

**TUAN SPEAKER** : Satu demi satu. Ini peraturan. Satu demi satu. Sila duduk.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang berkenaan dengan jawapan, soalan daripada Bangi. Ya pihak MIDA sebenarnya bekerjasama rapat dengan pihak Selangor *State Investment Centre* (SSIC) dari segi penggalakan pelaburan bila kita pergi ke luar negara untuk menjemput pelabur asing ataupun melawat pelabur asing yang berpotensi untuk melabur di Malaysia selarinya kita bekerjasama dengan pegawai MIDA dan selalunya pegawai MIDA di negara yang kita lawat itu juga turut ikut bersama. Jadi memang ada kerjasama rapat dari segi ini tapi masalahnya ialah kerajaan persekutuan mereka melalui memberi insentif yang khas kepada sesetengah negeri misalnya di kawasan zon Iskandar di negeri Johor. Jadi ada insentif atau pun potongan pendapatan cukai yang khas diberi kepada pelabur asing yang melabur di zon Iskandar. Begitu juga dengan di negeri Sabah dan juga Sarawak. Industri tertentu mereka memberi potongan cukai ke insentif. Jadi yang alasan diberi oleh kerajaan persekutuan ialah mereka ingin menggalakkan pelaburan bukan sahaja memasukkan dalam satu negeri tetapi juga diselerakkan ke negeri-negeri lain. Jadi termasuk juga koridor-koridor di negara kita ada banyak kawasan koridor. Jadi Koridor ini juga mendapat insentif khas merupakan persaingan kepada negeri Selangor. Tapi bagi negeri Selangor kerana kita berada di dalam lokasi yang strategik dan juga yang pusat Bandar Ibu kota Malaysia Kuala Lumpur berada di Selangor dan juga Putrajaya juga berada di Selangor, Cyberjaya berada di Selangor. Jadi dengan infrastruktur dan juga lokasi yang strategik ini jadi yang pihak persekutuan tidak bekerjasama dengan pihak negeri Selangor dari segi penarikan pelaburan. Tapi saya rasa kita merupakan satu negeri yang amat penting dari segi menarik pelaburan kerana bila pelabur asing datang ke Malaysia mereka telah pun bertapak di negeri Selangor. Jadi kita mempunyai lokasi yang strategik ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan daripada Kajang ada berkaitan dengan data-data yang diberi tadi oleh EXCO berkaitan dengan negara-negara yang melabur di negara, negeri kita dan apakah jenis industri yang kita

utamakan? Adakah kita akan membenarkan industri seperti yang *Rare Earth* dengan izin oleh *Lynas* di Pahang akan kita benarkan di negeri Selangor? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kajang.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih, Yang Berhormat Kajang. Sebenarnya kalau kita lihat industri yang disenaraikan tadi. Yang industri secara keseluruhan yang menjadi pilihan utama bagi pelabur asing ialah:-

- i. Bidang Elektrik dan Elektronik yang mana jumlah pelaburan asing ialah RM1.3 bilion.
- ii. *Basic Metal Products* jumlah pelaburan asing ialah RM964 juta.
- iii. Kelengkapan Pengangkutan atau pun *Transport Equipment* jumlah pelaburan asing ialah RM859 juta.
- iv. Pembuatan makanan jumlah pelaburan asing ialah RM681 juta.
- v. *Chemical* dan *products* kimia jumlah pelaburan ialah RM676 juta. Ini adalah apa yang merupakan pilihan utama bagi pelabur asing. Tapi bagi kerajaan negeri Selangor kita memang menghendaki pelaburan yang berjenis berteknologi tinggi, teknologi hijau atau pun *bio-tec* dan juga yang teknologi yang atau pun industri yang tidak perlu ramai pekerja kerana di negeri Selangor kita memang menghadapi masalah kekurangan pekerja terpaksa kita menggunakan pekerja asing dan semua ini *high-tech*, industri *high-tech* yang kita ingin tarik selain itu kita juga ingin tarik sektor pelaburan dari segi perkhidmatan khususnya pendidikan, perubatan, pelancongan dan juga sektor perkhidmatan yang lain. Jadi bagi kita anak prihatin tentang isu Alam Sekitar. Jadi bagi pelaburan atau pun pelabur yang ingin menanam apa-apa pelaburan di dalam bidang yang mencemarkan udara dan juga Alam Sekitar selalunya yang pihak Jabatan Alam Sekitar bila mereka tentang *toe* akan tolak. Saya nak ambil satu contoh sebenarnya pada dua tahun yang lepas memang ada satu syarikat besar keluli yang berminat untuk mendirikan kilangnya kilang keluli dekat Sepang. Sebenarnya itu 2 bilion US dolar yang pelaburannya. Kita terpaksa tolak pelaburan ini dan minta mereka pergi ke negeri lain kerana kita nak jadi Sepang sebagai kawasan yang menarik pelancong Sepang *Gold Coast* dan sebagainya. Kita tak mahu satu keluli yang besar yang berkemungkinan akan mencemar Alam Sekitar di sekeliling kawasan itu untuk merosakkan keindahan di kawasan Sepang termasuk Sungai Pelek. Itu sebabnya kita terpaksa tolak, itulah sebab yang selalunya..... itulah terpaksa tolak. Jadi secara rumusan ialah pelaburan seperti jenis *Lynas* tidak mungkin dibenarkan diadakan kilang di Selangor.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LEE KIM SIN**  
**(KAJANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN PUBLISITI**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah perbelanjaan ke atas kain rentang (*banners*) yang digunakan oleh EXCO pendidikan dan pembangunan insan dalam tahun 2011?
  - Apakah keberkesanan perbelanjaan tersebut dan bagaimanakah penilaian dilakukan?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** *Bismillahi rahmani rahim, selamat sejahtera. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker terima kasih kepada Kajang.

Perbelanjaan ke atas kain rentang atau *banners* dengan izin yang perlu digunakan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Pembangunan Insan adalah berdasarkan kepada kesesuaian penganjuran program di peringkat negeri, daerah dan DUN. Untuk program promosi Program Tuisyen Rakyat di seluruh 56 DUN di Selangor yang mendapat sambutan hangat terutama di kawasan luar Bandar dan Miskin Bandar kita telah membelanjakan RM39,468. *Banners* ucapan Selamat Hari Guru di 56 DUN kita membelanjakan RM24,192 untuk menyantumi 60,905 orang guru seperti yang diberikan oleh Jabatan Pelajaran Selangor dan juga untuk *banners* ucapan selamat maju jaya kepada calon peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM dan STAM di 56 kawasan DUN juga kita membelanjakan RM24,192. Ini adalah untuk kalau mengikut statistik Jabatan Pelajaran Selangor pelajar di sekolah rendah dalam sebanyak sekolah rendah dan sekolah menengah sebanyak 934,487 orang. Jadi ini sasaran kita adalah untuk 1 juta warga pelajaran, warga pendidikan di seluruh negeri Selangor ini. Untuk program konvensyen PIBG kita belanja RM1,130. *Banners* program jambori Amal 2011 akan melibatkan lebih 1,000 peserta dan melibatkan seluruh Sekolah Agama Rakyat di Selangor kita membelanjakan RM6,000. Untuk program pembangunan insan di mana kita telah mengadakan Program Wacana Ilmu di Stadium Shah Alam untuk program Jom Kerja, *banner* Karnival SPIES kita membelanjakan RM16,358 dan untuk portfolio gejala sosial, kita ada lapan program. Dua program Kempen Anti Zina, program Perkahwinan Perdana kita membelanjakan RM5,400, Kempen Anti Zina sebanyak RM11,200, Karnival Jelajah Gems Daerah Klang RM1,240, Karnival Jelajah

Gems Daerah Sabak Bernam RM7,200, Karnival Jelajah Gems Kuala Langat RM4,800, Program Karnival kebersihan Anda Sihat RM1,250.

Daripada segi penilaian keberkesanannya, promosi adalah faktor penting dalam apa jua aspek pemasaran sama ada barang atau perkhidmatan khususnya bagi dasar kerajaan baru seperti kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Produk EXCO Pendidikan adalah perkhidmatan pendidikan dan pembangunan insan yang perlu dihebahkan bagi memberitahu kepada rakyat dan juga menarik minat rakyat dan antara promosi yang paling cepat dan terus sampai ke sasaran ialah dengan penggunaan *banners* atau kain rentang. Selain itu, dengan adanya kain rentang ini ia dapat mewar-warkan dasar kerajaan dan juga program-program anjuran kerajaan negeri Selangor seperti dasar baru Selangorku dan sekali gus memberi kesedaran tentang adanya sumbangan kerajaan kepada rakyat untuk direbut peluang terutama sekali oleh golongan yang memerlukan seperti golongan *Marhaen*. Sebab itu, saya sebutkan tadi di kawasan luar bandar dan miskin bandar, mereka sangat menghargai konsep Merakyat Ekonomi Selangor ini khususnya tentang pendidikan ini. Jadi pada umumnya, tiada kajian khusus untuk menilai keberkesanan dibuat tetapi pernyataan secara lisan dan sambutan yang memberangsangkan daripada pimpinan setempat dan juga daripada laman siber dan juga daripada kehadiran peserta atau pengunjung semasa program berlangsung merupakan maklum balas yang positif kepada pihak kerajaan Selangor. Hal ini dapat dilihat berdasarkan statistik kehadiran peserta dan pengunjung pada keseluruhan program anjuran EXCO Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan pada tahun 2011 setakat ini iaitu seramai 22,741 orang pengunjung. Tapi daripada segi hebatan tadi, seperti yang saya sebutkan adalah untuk guru yang berdaftar di bawah Jabatan Pelajaran bukan yang guru tadika, guru di bawah sekolah-sekolah swasta dan sebagainya atau sekolah Fardu Ain iaitu berjumlah 60,095. Jadi untuk semua ini kita telah membelanjakan kalau warga sekolah sahaja di campur dengan ibu dan bapa lebih kurang 3 juta orang kita belanjakan untuk hebatan ini, saya rasa sangat berbaloi.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya, sama ada *banner-banner* yang digantungkan di kawasan DUN-DUN bolehkah disalurkan kepada ADUN berkenaan? Kerana ia akan memberi kesan impak yang lebih besar kalau ADUN yang ditunjukkan. Walaupun kita tahu sentiasanya gambar EXCO dengan Yang Amat Berhormat dipamerkan bersama. Berikutnya yang sama iaitu adakah, oleh kerana *banner-banner* ini memang banyak dan juga disebarluaskan dengan meluas, kekerapannya amat tinggi sama ada ia ditebus guna ataupun diguna ataupun dikutip balik untuk di *recycle*, diguna semula? Kalau tidak ia akan mendatangkan pencemaran alam. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada Kajang yang sangat prihatin tentang penggunaan kewangan. Insya-Allah, kos setiap *banner* itu termasuk menggantung *banner* itu, makna kita tidak menyusahkan ADUN sendiri untuk menggantung. Tetapi apa yang dicadangkan oleh Kajang itu tadi, kita boleh gunakan dan kalau boleh diambil kos penggantungan *banner* itu lagi baguslah, jadi kita boleh mengurangkan perbelanjaan daripada EXCO itu sendiri. Mungkin guna sukarelawan dan sebagainya boleh kita jimatkan. Untuk makluman Kajang juga, seperti yang Kajang sudah tahu. Kita lihat di PRK Hulu Selangor, Menteri Besar yang baru pun orang tak sedar, sebab tulah kita kena letak gambar Menteri Besar. Gambar Menteri Besar tak boleh masuk sekolah. Jadi ini caranya juga kita nak memberitahu kepada khalayak, inilah Menteri Besar Selangor yang baru. Kita juga tak boleh masuk media massa perdana. Jadi orang tak tahu siapa ini? Siapa yang memerintah sekarang ini? Apakah dasar ini? Adakah lama atau tidak? Sebab itulah tadi saya katakan, kalauolah kerajaan persekutuan bersifat profesional dan pendidikan tidak dipolitikkan, maka kita boleh mengurangkan perbelanjaan segi promosi ini. Jadi saya setuju sangat apa yang disebutkan oleh Kajang dan akan diambil kira untuk masa akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : HAKISAN BAN DAN BENTENG SUNGAI**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri Selangor sedar setiap kali berlaku air pasang besar banyak ban dan benteng di muara sungai yang telah dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah terhakis dan menyebabkan air pasang melimpah serta merosakkan tanaman dan jalan yang dibina atas ban dan benteng tersebut rosak?
- b) Jika sedar, apakah langkah yang diambil untuk menaik taraf ban dan benteng berkenaan?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk membaik pulih serta menaik taraf ban dan benteng berkenaan?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Assalamualaikum**

*warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Sungai Burong. Tentang hakisan ban dan benteng sungai ini, sebagaimana yang kita tahu, jumlah panjang keseluruhan pantai di negeri Selangor ini adalah 291 kilometer dan kita ada 41 muara sungai seluruhnya daripada utara sampai ke selatan dan termasuklah kawasan Sungai Burong, Tanjung Karang, sungai Kajang dan sebagainya. Yang ditanyakan ialah tentang ban dan benteng yang sering dilanda oleh air pasang, oleh ombak besar dan sebagainya. Pasang besar yang menyebabkan benteng-benteng dan juga ban-ban tersebut menjadi rosak dan perlu diperbaiki. Saya ingin memberitahu bahawa Kerajaan negeri Selangor melalui JPS terutamanya begitu prihatin kepada nyawa rakyat, prihatin kepada harta benda rakyat. Dalam konteks kita di Sungai Burong, kita sangat prihatin kepada sawah padinya, cucuk tanamnya, haiwan-haiwan ternakannya, sebab itu JPS mengambil tindakan yang pasti setiap kali dilanda oleh ombak yang besar, oleh air pasang yang besar, kita dapati di mana juga didapati tempat-tempat yang dilanda oleh air yang sedemikian menyebabkan kerosakan ban dan juga benteng-benteng terus dibaiki oleh JPS. Saya pun berpengalaman di Sungai Burong suatu masa dahulu. Bantuan daripada JPS sebenarnya telah memberikan banyak kebaikan kepada masyarakat tempatan terutamanya petani-petani yang berada di kawasan Tanjung Karang dan Sungai Burong. Ada pun mengenai langkah-langkah yang diambil, JPS mempunyai tiga (3) cara untuk menangani masalah ini :-

- i. Program luar jangka
- ii. Program jangka pendek
- iii. Program jangka panjang

Program luar jangka, sebagaimana yang diketahui. Sungai Burong pun sangat-sangat mengetahui bahawa masalah air pasang besar dan masalah ombak alun yang tidak menentu sekarang ini sudah tentu banyak memberikan kesan kepada benteng-benteng dan juga kepada ban-ban tersebut dan maka kalau ada peristiwa-peristiwa ataupun kesan-kesan yang timbul daripada hakisan, JPS biasanya akan segera datang menangani masalah yang dihadapi. Apa yang berlaku ialah kadang-kadang kita baiki hari ini, besok berulang lagi. Kita baiki hari ini, besok berulang lagi. Berulang-ulang yang sedemikian ini biasa berlaku terutama di kawasan-kawasan pantai di muara-muara yang saya sebutkan tadi. Kita ada 41 muara daripada utara dan ke selatan negeri Selangor ini. Kemudian dari segi jangka pendek, kita mengadakan kerja-kerja *maintenance*, penyelenggaraan yang perlu dilakukan bagi mengurangkan kejadian runtuhan serta impak hakisan ban dan benteng. Pemantauan yang kerap, yang dilakukan oleh teman-teman daripada JPS telah memungkinkan gejala-gejala tersebut dapat ditangani. Selain daripada itu, selain daripada JPS kita dapat bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain yang ada kaitan langsung dengan petani, ada kaitan

langsung dengan masalah air pasang dan sebagainya juga telah memberikan kerjasama yang sangat baik untuk mengelakkan berlakunya hakisan-hakisan yang disebutkan tadi.

Tentang yang jangka panjang ini, sudah tentulah kita menaik taraf kawasan-kawasan dan JPS akan mengemukakan pelan bagaimana nak menangani kawasan sepanjang 291 kilometer itu. Cadangan-cadangan dibuat dan saya biasa berbincang dengan Pengarah JPS dengan Pegawai-pegawaiannya untuk mengambil langkah-langkah yang pasti bagi menghilangkan masalah yang dihadapi. Apa pun, perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk menangani masalah ini bagi tahun 2011, kita telah memperuntukkan sebanyak RM483,000 dan kemudian itu, untuk kawasan-kawasan yang berikutnya untuk memperbaiki benteng, memperkuuhkan benteng kita telah memperuntukkan RM1.8 juta dan untuk memperkuuhkan benteng kita memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta. Ini adalah *allocation-allocation*, dengan izin yang telah diberikan kepada JPS untuk menangani masalah-masalah yang disebutkan oleh Sungai Burong. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Tuan Speaker. Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER:** Sidang dewan sekalian. Waktu pertanyaan sudah tamat. Dengan itu saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

#### **UCAPAN PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya. Rang undang-undang Perbekalan (2012/2011) semua peringkat. Rang undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk Perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker. Oleh sebab rang undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga. Saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan rang undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Tuan Speaker. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI.**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi RM1,448,997,495.00 daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk Perkhidmatan bagi tahun 2012 adalah dibenarkan dan jumlah wang ini diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual. *Alhamdulillah*. Marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya untuk bersama hadir di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia yang beragama Hindu serta Selamat Hari Raya Aidiladha kepada Ahli Yang Berhormat dan seluruh umat yang beragama Islam. Bagi pihak kerajaan negeri, saya ingin membentangkan belanjawan negeri Selangor 2012 dan tema pada tahun ini adalah " Selangorku Hasil Negeri Untuk Rakyat".

Pada Mac tahun hadapan, genaplah empat tahun dan bermula tahun kelima pentadbiran Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Dalam tempoh itu, saya percaya banyak perkara telah dilalui. Ambillah kebaikan sebagai pendorong kekuatan kita untuk mempertahankan kemuliaan insan dan menjadikan kehidupan yang ada semakin baik berbanding sebelumnya. Jadikanlah kelemahan sebagai satu peringatan bahawa kita memerlukan penambahbaikan, berprinsip, bertanggungjawab serta bernas untuk membolehkan agenda reformasi berjalan dengan baik khususnya di negeri Selangor.

Baru-baru ini Ketua Audit Negara telah membentangkan Laporan Audit Negara 2010, Kerajaan negeri Selangor ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha gigih yang telah dilakukan. Sebarang teguran dan cadangan pembaikan yang dikemukakan sedang dilihat dan diambil tindakan sewajarnya.

Daripada Laporan Audit tersebut saya yakin rakyat boleh menilai keutamaan yang diberikan oleh kerajaan negeri Selangor. Menggunakan hasil negeri untuk rakyat, tentulah jauh lebih baik. Dari korupsi dan pemberian projek yang hanya menguntungkan segelintir pihak.

Laporan juga menyerlahkan ketirisan tidak kurang daripada 30% dari keseluruhan peruntukan bajet Persekutuan dan telah berlaku dalam pelbagai bentuk. Ia seolah-olah Laporan Audit 2009 tidak langsung diambil iktibar oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi berkenaan. Lebih malang lagi, apabila laporan turut melaporkan terdapat pengkhianatan terhadap golongan yang paling memerlukan seperti para petani, nelayan dan penternak.

Sejak 2008, kerajaan negeri Selangor telah berusaha agar reformasi pentadbiran, perniagaan dan pembangunan dapat dijalankan. Pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat tidak bergerak dalam ruang vakum, ruang kosong, sebaliknya perlu bergerak dengan apa yang ditinggalkan oleh pentadbiran terdahulu.

Di peringkat awal, pentadbiran baru ini dikejutkan oleh data kewangan bila mana peruntukan untuk wakil rakyat telah habis digunakan sebelum Pilihan raya Umum Ke-12. Ini bermaksud peruntukan bagi Tahun 2008 telah dihabiskan sebelum Mac 2008. Namun, kita lalui saat getir tersebut dengan selamba dan akhirnya kita berjaya tanpa sebarang prejudis terhadap kepentingan rakyat.

Pentadbiran baru juga mendapat banyak perkara lain yang memerlukan reformasi dan ini diambil sebagai cabaran. Ini telah dilakukan melalui sasaran 2 objektif penting iaitu menjadikan badan kerajaan sebagai institusi yang berintegriti tinggi dan pengukuhan struktur kewangan negeri. Dua objektif ini tentulah mudah disebut, tetapi secara realitinya memerlukan iltizam politik (*political will*) untuk melaksanakannya dan kesabaran sebelum mendatangkan hasil. Sesungguhnya, kegemilangan ses sebuah tamadun tidak dibina dalam sehari dua sebaliknya ia boleh runtuh dengan sekilip mata jika tanggungjawab dan amanah di abai dan dikhianati.

Sidang Dewan yang dimuliakan,

Sebelum membentangkan Belanjawan 2012 ini, elok dijelaskan di sini tentang dua objektif yang dinyatakan tadi. Dalam hal menjadikan pentadbiran kerajaan sebagai sebuah institusi berintegriti tinggi, beberapa pendekatan telah diambil, misalnya dengan penggubalan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOIA) dan pengenalan tender terbuka untuk persaingan sihat dalam perniagaan.

Berkaitan dengan pengukuhan infrastruktur kewangan pula, kita boleh merujuk kepada Laporan Audit Negara 2010 yang merumuskan kedudukan kewangan negeri Selangor begitu sebagai memuaskan. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2010 mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Akaun Hasil Disatukan telah mencatatkan berlebihan pada tahun 2010 dan prestasi pembayaran hutang awam adalah sangat baik.

Saya ingin mengumumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa simpanan tunai Selangor telah mencecah RM1,212 juta, jumlah merupakan simpanan yang tertinggi pernah dicapai 28 tahun yang lalu. Dari jumlah itu, RM946.65 juta dalam bentuk simpanan cair (*liquid reserve*) dan selebihnya dalam bentuk untuk Simpanan Amanah (*trust reserve*).

Ada pihak cuba memperlekeh kejayaan ini dengan menyatakan bahawa kononnya Jumlah tunai yang banyak itu tidak mestinya baik, kerana dalam ekonomi adalah lebih baik simpanan itu digunakan untuk mendorong kesan berganda (*multiply effects*).

Sukacita saya jelaskan, bahawa Simpanan Tunai yang tinggi ini adalah penting untuk memberikan keyakinan kepada pelabur dalam dan luar negara juga kepada bank-bank dan para kontraktor akan keupayaan kerajaan negeri mentadbir dan membuat pembayaran. Simpanan tunai yang selesa juga membolehkan negeri Selangor

menghadapi sebarang risiko serta situasi yang tidak menentu *volatility* dengan maaf. Apatah lagi bajet kerajaan persekutuan gagal menyediakan pelan tindakan bagi menghadapi kemunculan ekonomi dunia.

Apa yang lebih penting bagi saya ialah pencapaian ini berjaya direalisasikan melalui pengurusan kewangan yang baik seperti yang tertera di dalam Laporan Audit Negara 2010. Pada masa yang sama, kita dapat meneruskan pelbagai program pembangunan dan kebajikan rakyat. Ini terbukti apabila sejumlah lebih daripada RM500 juta hasil negeri telah diterjemahkan kepada pelbagai jenis program kebajikan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sejak Mac 2008.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang dimuliakan,

## **EKONOMI GLOBAL, SERANTAU DAN MALAYSIA**

Ekonomi global mulai tumbuh pada kadar sederhana dan perlahan pada suku kedua tahun ini. Ini ditandai oleh tidak kestabilan ekonomi di peringkat serantau, tekanan kewangan dan isu pengangguran. Selain itu, bencana alam seperti Tsunami dan gempa bumi turut mempengaruhi aktiviti perdagangan. Isu hutang negara Amerika Syarikat dan Eropah mempengaruhi dana yang boleh dilaburkan di luar negara kerana para pelabur lebih cenderung membuat pelaburan dalam negara mereka. Ini bermaksud dana untuk pembangunan akan berkurangan.

Namun prospek ekonomi global dunia, *Prospect Economy Global* Bank Dunia menjelaskan secara umumnya krisis ekonomi global tidak lagi menjadi daya utama yang menentukan corak aktiviti ekonomi di negara-negara membangun. Prospek ini sekali gus memberi maksud pertumbuhan ekonomi setempat kini terletak kepada sektor-sektor dan produktiviti di setiap negara.

Untuk tahun 2011 ini, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengunjurkan keluaran dalam negara kasar, Malaysia berada pada kadar 4.6%. Unjuran ini dijelaskan berikutan tinjauan suku ketiga yang menunjukkan kesan perkembangan ekonomi global kepada pertumbuhan eksport di Malaysia.

Sehingga suku kedua 2011, sektor pembuatan tumbuh pada kadar 2.1% dan ia didorong oleh industri domestik. Sektor ini telah menerima kesan ketara akibat bencana alam.

Sektor perkhidmatan yang diliberalisasikan terus menjadi penyumbang utama kepada keluaran dalam negara kasar negara dengan sumbangannya sebanyak 58.4% sehingga suku tahun kedua 2011. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1% berbanding tahun sebelumnya dan ia dijangka tidak terjejas dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu. Subsektor perniagaan dan harta tanah, kewangan dan

insurans, perniagaan borong dan runcit serta komunikasi dan perhubungan menunjukkan peningkatan dan kestabilan. Sektor pertanian pula tumbuh sebanyak 6.9% sehingga suku kedua tahun ini. Pencapaian ini didorong oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang menerima permintaan tinggi di pasaran global. Pertumbuhan subsektor kelapa sawit yang menccah 22.3% disumbangkan oleh hasil tinggi kualiti minyak dari penstrukturran buah kelapa sawit yang segar. Faktor hujan dan banjir di Thailand juga turut mengalih permintaan dari negara itu ke negara kita.

### **PERTUMBUHAN SELANGOR.**

Selangor adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara. Sejak tahun 2008, hasil negeri terus cuba ditambah dan Selangor telah menyumbang lebih dari 20% dari keseluruhan jumlah pelaburan dalam negara hingga suku tahun kedua tahun ini. Keluaran dalam negara kasar negeri Selangor tumbuh pada kadar 5.0 %.

### **SEKTOR UTAMA**

Sektor utama pertanian diunjurkan sebanyak 5.2%. Pada tahun 2011 didorong oleh peningkatan subsektor tanaman kelapa sawit, perikanan, agro pertanian dan juga ternakan. Pengeluaran minyak kelapa sawit bagi Negeri Selangor pada suku kedua yang meningkat sebanyak 18.7% berbanding suku sebelumnya kerana pertambahan permintaan domestik dan luaran.

Sektor utama perlombongan didorong oleh subsektor kuari yang diunjurkan mengalami peningkatan minimum 0.1% pada 2011 berbanding tahun 2010 berikutan peningkatan dalam sektor pembinaan.

### **SEKTOR PERINDUSTRIAN**

Sektor perindustrian, subsektor pembinaan diunjurkan tumbuh secara positif pada 4.8% pada tahun 2011 ini. Ini berdasarkan perancangan perumahan, rekreasi, pembangunan komersial dan kerja-kerja baik pulih.

Sektor pembuatan yang diunjurkan meningkat sebanyak 0.5% dari 32.4% kepada 32.9% sekali gus membentuk perkembangan sektor perindustrian kepada keluaran negara dalam negara kasar di Selangor sebanyak 37.7%.

### **SEKTOR PERKHIDMATAN**

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang kepada keluaran dalam negara kasar negeri Selangor iaitu sebanyak 57.4% nilai ditambah terbanyak di sumbang subsektor perdagangan borong dan runcit. Penginapan dan restoran, unjuran pertumbuhan sebanyak 5.7% pada tahun 2011, sementara itu subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan pula mengalami peningkatan dengan

pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 4.1%. Sektor kecil perkhidmatan lain dianggarkan mengalami pertumbuhan sebanyak 4.0% dan sektor perkhidmatan kerajaan pula diunjurkan mencapai pertumbuhan pada kadar 3.7%.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **STRATEGI BELANJAWAN 2012**

Selangor kini memasuki era baru dengan membentangkan belanjawan reformasi yang melibatkan pendapatan kerajaan negeri dan hasil dividen dari Syarikat Kaitan Kerajaan (GLC). Saya bentangkan dahulu belanjawan berimbang hasil pendapatan kerajaan negeri dengan tema “Selangorku Hasil Negeri untuk Rakyat”.

Belanjawan 2012 ini adalah kesinambungan kepada ‘Hasil Negeri untuk Rakyat’ yang menjadi tema tahun lalu dengan beberapa penyesuaian tambahan berdasarkan perkembangan semasa antara penyesuaian yang penting diambil kira ialah pelan tindakan dan visi untuk tiga tahun yang dinamakan agenda Selangorku. Dokumen ini telah dilancarkan semasa sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia di peringkat Negeri Selangor pada 16 September 2011.

Belanjawan 2012 adalah berdasarkan empat (4) strategi utama.

- i) Meningkatkan kecekapan pentadbiran,
- ii) Meningkatkan kualiti asas kehidupan keluarga dan masyarakat.
- iii) Melestari pembangunan, dan
- iv) Mendorong masyarakat berilmu, berakhlak mulia dan hidup sihat.

Semua strategi itu mengambil keperluan holistik, pembangunan fizikal dan manusia, pengukuhan prinsip serta kecekapan ketelusan dan kebertanggungjawaban pengurusan dan keseimbangan antara berbagai elemen bagi membolehkan hasil optimum dapat dicapai. Reformasi daripada segi pengurusan dan penggunaan akan terus diusahakan sehingga dia menjadi budaya bersama.

## **MENINGKATKAN KECEKAPAN PENTADBIRAN**

Kecekapan pentadbiran adalah penting bagi mendorong lebih banyak produktiviti dihasilkan. Padang permainan *playling field*, ekonomi dunia kini, menuntut lebih penghargaan bagi setiap masa dan tenaga yang dikeluarkan. Jika kita gagal memahami dan bertindak selaras dengan perubahan, *playing field* ini atau padang permainan ini kita bukan sahaja akan tertinggal bahkan berkemungkinan berhadapan dengan masalah kuasa beli yang merosot meski pun berlaku kenaikan gaji. Sebagai

contoh kenaikan gaji di negara kita sejak 15 tahun adalah pada kadar 2.6 % berbanding dengan kenaikan harga barang yang meningkat berkali-kali ganda daripadanya.

Di samping itu kita perlu mengambil iktibar daripada Laporan Audit Negara yang mendedahkan ketirisan berterusan dalam ekonomi negara. Kita dapat melihat bagaimana wang dibazirkan dengan cara yang tak sepatutnya malah sangat diragukan. Perkara ini bukan perkara baru, akibatnya rakyat semakin kecewa kerana kesalahan lama tetap diulang, kerana kerajaan mengambil mudah apa yang dibentangkan oleh laporan tersebut. Harga belian bekalan yang tidak munasabah menunjukkan perancangan yang tidak teliti, membazir dan curang.

Jelaslah bahawa cabaran yang ada cukup besar. Justeru pada tahun ini kita telah mengukir sejarah apabila kita menggunakan pendekatan rundingan sebelum Belanjawan 2012 ini dirangka dan seterusnya diunjurkan. Jika dahulu Dialog Belanjawan dibuat di peringkat negeri serta bersama para penggerak industri, Belanjawan 2012 pula melibatkan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bertemu rakyat di setiap kawasan kerajaan tempatan dan mendengar serta mendapatkan pandangan mereka tentang keutamaan yang diperlukan di kawasan masing-masing untuk dianalisa dan dipertimbangkan dalam Belanjawan 2012.

Kerajaan Negeri Selangor percaya pengurusan yang cekap adalah pengurusan yang mendekati pelanggan-pelanggan serta pihak-pihak berkepentingan yakni rakyat jelata sebelum perancangan menyeluruh dilakukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang dihormati.

Dalam memperihalkan Belanjawan ini, pendekatan yang mahu diambil perlu diubah. Lazimnya, Belanjawan dilihat daripada konteks pelaksanaan setahun. Pandangan ini tidaklah salah tetapi dalam hal belanja pembangunan, ia mestilah di unjur melebihi tempoh setahun. Ini penting kerana rancangan untuk pembangunan lazimnya memerlukan gerak kerja yang lebih panjang tempoh masanya.

Termasuk dalam soal kecekapan pentadbiran ini ialah pengurusan sumber negeri secara bijaksana. Ini melibatkan hasil dan agihan perbelanjaan mengikut keperluan. Seperti yang telah disebutkan di awal ucapan tadi, Selangor cukup bertuah kerana mempunyai banyak sumber dan hasil. Kerajaan Negeri Selangor percaya sekiranya hasil ini diuruskan dengan berhemah, ia dapat memberi lebih pulangan kepada semua. Sekiranya tidak, ia hanya akan memperkaya segelintir pihak.

Penyumbang utama Hasil Kerajaan Negeri Selangor ialah kutipan cukai dan urus niaga berkaitan tanah oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS). Kutipan ini merupakan sehingga 68% keseluruhan hasil negeri dalam tempoh

setahun. Kerajaan Negeri Selangor akan berusaha menambah hasil pasir dan juga sumber lain dengan menjalankan tadbir urus yang baik.

Selari dengan slogan Selangorku, Kerajaan Selangor mahukan seluruh rakyat negeri ini memiliki tanah dan rumah kediaman. Bukan tinggal sebagai setinggan dan duduk merempat di negeri sendiri. Kita telah memperkenalkan skim pemberian geran dengan memperbaiki sistem pemilikan tanah di mana Pejabat-pejabat Tanah dan Galian akan mengenal pasti rakyat yang tinggal di tanah-tanah TOL *temporary occupancy license* lebih dari 10 tahun untuk diberi hak milik kekal dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Ribuan geran tanah telah berjaya dikeluarkan dengan maksud ini. Namun terdapat juga golongan yang kurang mampu dan gagal membayar premium yang dikenakan.

Kerajaan Negeri Selangor telah memulakan reformasi dengan memperkenalkan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan pembinaan kediaman persendirian di mana rakyat mempunyai pilihan sama ada membayar keseluruhan harga premium dan mendapat diskaun 30% ATAU memilih untuk membayar premium RM1,00 dahulunya dan bakinya perlu dijelaskan apabila hartanah tersebut dijual.

Alhamdulillah, reformasi dalam pemilikan tanah ini telah disambut baik oleh orang ramai dan Kerajaan Negeri Selangor berharap lebih banyak masalah yang telah berlarutan sejak sekian lama sebelum ini dapat diselesaikan secara tuntas.

Walaupun Selangor telah di isytihar sebagai negeri maju pada 2005, namun kita merasakan prasarana pentadbirannya belum lagi menunjukkan kita sebuah negeri maju. Timbunan fail-fail di pejabat tanah tidak kurang dari 2 juta fail. Justeru Kerajaan Negeri Selangor telah menempa sejarah dengan menjadi negeri pertama di Malaysia yang memindahkan fail-fail ke dalam bentuk elektronik. Usaha ini sedang berjalan lancar dan Insya-Allah akan dapat diselesaikan pada tahun hadapan. Sebaik sahaja selesai urusan pemindahan ini, kita akan memperkenalkan konsep ‘dari pejabat tanah ke rakyat bukan rakyat pergi ke pejabat tanah’ (*from lad office to the people*)

Melalui sistem ini semakan hak milik boleh dilakukan melalui internet dan kakitangan pejabat tanah akan turun padang untuk bertemu rakyat, khususnya di kawasan kampung bagi menyemak status pemilikan mereka. Saya yakin konsep pergi kepada pelanggan (*from lad office to the people*) ini penting, bukan sahaja mengurangkan kerentak birokrasi malah dapat meringankan kos yang ditanggung rakyat. Kaedah ini pasti akan berkembang pada masa akan datang dan Selangor berbangga menerajui tahun 2012, peruntukan berjumlah RM6 juta akan diberikan bagi pembangunan infrastruktur teknologi maklumat.

Sehingga akhir September tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor mengutip sebanyak RM26.9 juta melalui cukai hiburan. Peningkatan sebanyak 2.13% berbanding kutipan tahun lalu pada tempoh yang sama. Jumlah hasil cukai hiburan pada tahun lalu sehingga Disember 2010 berjumlah RM32.5 juta.

Terimaan bukan hasil bagi tahun 2011 ialah sebanyak RM 168.8 juta, meningkat sebanyak 4.72% berbanding terimaan pada tempoh yang sama bagi tahun 2010.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Sidang Dewan yang dihormati,

Setiap perkara yang berlaku mempunyai hikmahnya tersendiri. Begitulah juga dengan isu air yang hangat diperkatakan sejak Pakatan Rakyat memerintah Selangor. Apakah lagi kebanyakan dari yang cuba memberi komen, saranan dan ugutan tidak mempunyai sebarang kredibiliti dan pengetahuan dalam isu air ini dan dalam pada kita kesal kerana kepincangan yang telah didedahkan dalam pengurusan air di negeri Selangor ini dipandang ringan oleh Kerajaan Persekutuan, namun kita bersyukur akhirnya seluruh rakyat memahami isu sebenar, punca dan akibat daripadanya.

Izinkan saya mengambil sedikit masa menerangkan isu ini dengan lebih mendalam. Penswastaan industri air di Selangor bermula pada tahun 1994 dengan operasi rawatan oleh Puncak Niaga, diikuti oleh SPLASH, ABAS dan akhirnya SYABAS pula pada Disember 2004, hanya memberi lebih manfaat kepada syarikat konsesi berbanding kepada rakyat negeri Selangor. Selepas kelemahan operasi SYABAS didedahkan dalam Laporan Audit Negara pada tahun 2008, satu notis telah dihantar oleh Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberitahu penamatkan konsesi SYABAS. Namun ia tidak dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan.

Sejak itu dan sehingga Januari tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat tiga tawaran untuk mengambil alih dan menstrukturkan semula industri air Selangor dan ia telah diterima oleh ABAS dan SPLASH. Puncak Niaga dan juga SYABAS kekal menolak tawaran ini. Meskipun terdapat kelemahan dalam pengurusan SYABAS, misalnya dalam pelaburan penukaran paip, kenaikan tarif air yang tentunya boleh menambah beban rakyat Selangor cuba diusulkan. Jika kita mengambil kita kadar kenaikan tarif air pada tahun 2009 dan 2012, setiap isi rumah di Selangor akan berdepan dengan kenaikan bil air hingga 71% berbanding kadarnya pada tahun 2008 sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju dengan cadangan kadar kenaikan tarif tersebut.

Kini, rakyat cuba pula dimomokkan dengan kemungkinan Selangor menghadapi masalah air menjelang tahun 2014. Kerajaan Selangor memandang serius perkara ini kerana sebagai sebuah kerajaan bertanggungjawab, nasihat oleh pakar industri air telah diambil. Berdasarkan unjuran pertumbuhan penduduk, jumlah penggunaan air dan kapasiti pengeluaran air, bekalan air yang akan mampu menampung keperluan

seluruh Lembah Klang adalah sehingga 2019. Momokan kepada rakyat untuk mendesak Kerajaan Negeri Selangor bersetuju dengan Projek Penyaluran Air Mentah adalah keterlaluan dan tidak bertanggungjawab kerana kajian berkaitan sumber lain serta pengurangan kadar air tanpa hasil *non-revenue water* yang tidak dilakukan.

Kerajaan Negeri Selangor tidak menolak hakikat bahawa projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor boleh memberikan tambahan kepada bekalan air yang diperlukan. Namun, biarlah ia dibuat dengan lebih teliti agar tidak dilaksanakan dan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan telus. Tuntutan Kerajaan Negeri Selangor dalam hal pengurusan dan bekalan air yang tidak memuaskan oleh SYABAS dan Puncak Niaga mesti diambil kira.

Malangnya kerajaan Persekutuan nampaknya lebih sanggup membela kroni perniagaan berbanding dengan rakyat Selangor. Namun dia tidak mematahkan semangat kita untuk terus menjaga kepentingan rakyat Selangor. Kerajaan Negeri telah melantik Juru perunding Kejuruteraan Tetuan Erinco Sdn. Bhd. untuk melakukan carian, semakan dan penandaan kepada semua aset air Selangor dan terus melalukan nilai terhadap aset-aset tersebut. Harus diingat, aset-aset negeri ini telah digunakan secara percuma oleh kroni yang dapat konsesi air sedangkan rakyat pula yang dibebankan dengan caj yang tinggi.

Pada Jun 2011, maka selesai penilaian yang dilakukan oleh firma tersebut dan nilai aset air rakyat Selangor berjumlah RM12,000 juta (*twelve billion*). Ini yang saya maksudkan sebentar tadi bahawa setiap perkara yang berlaku itu ada hikmah di sebaliknya. Pertarungan di antara rakyat Selangor, Syarikat Konsesi Kroni dan Kerajaan Persekutuan akhirnya memberi kita maklum bahawa rakyat Selangor mempunyai harta air berjumlah RM12,000 juta. Harta yang selama ini tidak dipedulikan oleh kerajaan terdahulu dan sewenang-wenangnya digunakan oleh syarikat kroni yang menyusahkan rakyat Selangor.

Nilai aset air negeri ternyata jauh lebih tinggi nilai aset air negeri jauh lebih tinggi daripada aset air pemegang konsesi. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan program pemberian air percuma 20 meter padu sebagai satu pendekatan memulangkan hasil negeri untuk rakyat. Ini bererti jika setiap isi rumah menggunakan 20 meter padu atau lebih setiap bulan, Kerajaan Negeri Selangor membayar sebanyak RM11.40 sebulan atau RM136.80 setahun untuk mereka. Pemberian ini sedikit sebanyak mengurangkan beban kewangan bagi isi rumah, khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Meskipun kita telah membuktikan rakyat Selangor mempunyai lebih hak terhadap pengurusan air nampaknya Kerajaan Persekutuan masih mahu terus memihak kepada syarikat kroni; SYABAS dan Puncak Niaga. Pada Mei 2011, Kerajaan Negeri Selangor

telah menghantar surat kepada Kerajaan Persekutuan dan mencadangkan satu model holistik penyusunan semula industri air Selangor. Model ini akan menyaksikan Agensi Bertujuan Khas Negeri dengan izin (*State Special Purpose Vehicle*) menguruskan industri air ini secara meluas, dari rawatan sehingga kepada agihan, pengeluaran bil serta khidmat pelanggan dan memajakkan aset air kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB); agensi yang ditubuhkan untuk memiliki seluruh aset air di negara Malaysia.

Dengan industri air negara telah disusun semula melalui pengenalan Akta Industri Perkhidmatan Air (2006), cadangan Kerajaan Negeri Selangor memerlukan persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan kuasanya seperti yang terdapat dalam Akta tersebut untuk mengarahkan semua syarikat konsesi menyertai rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk pengambilalihan.

Kerajaan Negeri Selangor juga menawarkan rundingan yang diletakkan di bawah arbitrasi antarabangsa (*international arbitration*) sebarang keputusan yang terhasil akan diterima sebagai keputusan akhir. Namun, Kerajaan Persekutuan tidak mahu berbincang mengenainya. Malah, mesyuarat terakhir antara Kerajaan Persekutuan dan pegawai Kerajaan Negeri pada September 2011 menunjukkan mereka hanya berminat mendesak Projek Pemindahan Air, tidak mahu berbincang tentang isu penyusunan semula industri air yang memberi manfaat kepada semua pengguna di Selangor.

Selain menolak perbincangan ini, Kerajaan Persekutuan terus membiayai Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB), sebuah syarikat dalam senarai bursa yang pemegang saham majoritinya ialah SYABAS dan Puncak Niaga. Pembiayaan ini dilakukan melalui subsidiari milikan penuh PAAB yang telah menandatangani persetujuan pada 1 November 2011 untuk membeli bon yang dikeluarkan oleh Puncak Niaga pada nilai nominal RM54,,875,000 daripada PAAB. Puncak Niaga menggunakan dana yang diterima daripada pembelian semula bon yang dikeluarkan pada tahun 2001.

Kerajaan Negeri Selangor percaya bahawa sebarang perbincangan tentang masa depan Projek Pemindahan Air perlu dibincangkan bersama penstrukturkan industri air di Selangor. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, pada Oktober 2011 Kerajaan Selangor telah melantik syarikat perunding HALCROW untuk membuat audit kewangan dan teknikal ke atas SYABAS. Apa yang mahu ditegaskan oleh Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat menerima Projek Pemindahan Air dijalankan bersama industri air yang lemah dan pada kadar yang membebankan rakyat.

Sekiranya cadangan Kerajaan Negeri Selangor diterima, kenaikan tarif sebanyak 71% yang dicadangkan oleh SYABAS boleh kita hapuskan. Di bawah cadangan Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Bertujuan Khas Negeri hanya akan melaksanakan peningkatan pada kadar 12% sahaja bagi penjimatan dan mengelakkan pembaziran.

Justeru, kenaikan tarif hanya berlaku pada kadar minimum yang boleh dibiayai bersama.

Untuk makluman Tuan-tuan Yang Berhormat, lebih 1.2 juta isi rumah menerima pemberian air 20 meter padu secara percuma dan jika kita mengambil jumlah isi rumah seramai empat atau lima orang, maka hampir seluruh penduduk Selangor menerima sumbangan ini.

Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

## **MENINGKATKAN KUALITI ASAS KEHIDUPAN KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Strategi seterusnya ialah meningkatkan kualiti asas hidup keluarga dan masyarakat. Selain daripada Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), pemilikan tanah dan rumah serta kemudahan asas untuk pelbagai kegiatan kemasyarakatan akan diberikan perhatian. Turut menjadi keutamaan dalam strategi ini ialah menambah baik perkhidmatan pembersihan di setiap kawasan.

Antara penemuan diperoleh dalam dialog belanjawan di peringkat Kerajaan Tempatan ialah keperluan menambah baik kerja-kerja pelupusan dan pengangkutan sampah. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan agar Kerajaan Tempatan mengambil alih kerja-kerja pembersihan yang selama ini dilakukan oleh Alam Flora sejak sekitar 10 tahun yang lalu.

Sebagai langkah pengukuhan, Kerajaan Negeri Selangor telah meminta pihak SIRIM untuk menilai seluruh proses gerak kerja yang dilakukan sebelum ini dan mencadangkan pembaikan yang boleh diambil. Pemberian tender juga akan melalui saringan oleh kumpulan profesional. Kerajaan Negeri Selangor berpendapat, kegagalan Alam Flora untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan bercanggah dengan tujuan sebenarnya penswastaan. Sebahagian peranannya hanyalah sebagai 'orang tengah' hanya merugikan operator yang sebenar dan juga rakyat yang membayar cukai kepada kerajaan. Justeru, tindakan untuk mengambil alih ini adalah perlu sehingga satu disiplin persaingan sebenar dalam sistem pengurusan sampah dapat dicapai. Ini bukan masalah baru di Malaysia tetapi ia semakin menunjukkan masalah sebenar akibat dari amalan kronisme.

Pada tahun 2012, sebanyak RM7 juta akan diperuntukkan untuk pemuliharaan tapak pelupusan sampah di Kubang Badak, Air Hitam, Sungai Kembong, Pulau Ketam dan Sungai Kertas. Peruntukan ini akan disalurkan untuk rehabilitasi Sungai Kembong.

Untuk menyokong kebersihan kawasan dan keperluan tempat kegiatan masyarakat juga, peruntukan sebanyak RM3 juta akan diberikan pada Program Zon Bersih, pembaikan kemudahan awam di Pihak Berkuasa Tempatan, termasuk taman

permainan dan rekreasi. Untuk infrastruktur asas di Pihak Berkuasa Tempatan, peruntukan sebanyak RM2 juta akan disediakan.

Dalam aspek lain, usaha meningkatkan kualiti asas kehidupan juga akan dijalankan melalui Program Kerajaan Prihatin. Sejumlah RM4 juta akan diperuntukkan dan kos tambahan bina baru dan baik pulih rumah di samping bantuan bencana alam, bekalan makanan asasi, penyelenggaraan rumah PPRT, baik pulih lif rumah kos rendah dan penyerahan kunci pemilikan rumah. Peruntukan sebanyak RM500,000 lagi akan disediakan untuk memperbaiki dewan orang ramai sedia ada.

Kerajaan Negeri Selangor juga percaya bahawa rumah sebagai tempat tinggal adalah penting kerana ia merupakan satu daripada keperluan asas hidup manusia. Justeru, perumahan pada kadar harga patut perlu disediakan. Menurut satu kajian berkaitan rumah mampu milik oleh Bank Negara Malaysia bahawa harga rumah meningkat daripada 5.9 kali ganda pendapatan pada tahun 1989 kepada 10.9 kali ganda pendapatan pada tahun 2010. Jika terus dibiarkan, ia akan meningkat lebih tinggi.

Saya juga maklum tentang laporan manipulasi oleh pemaju yang tidak mahu menjual rumah dalam pembinaan dengan alasan ianya telah dibeli dan hanya menjualnya selepas siap di mana harganya telah meningkat. Sekiranya ada bukti nyata dan dapat ditemui, Kerajaan Negeri Selangor tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Ini penting kerana kita semua mesti belajar daripada salah urus di Amerika Syarikat sehingga memberi kesan kepada ekonomi global.

Semasa tempoh awal pentadbiran selepas Pilihan raya Umum ke-12 yang lalu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa terdapat 140 projek perumahan dibiarkan terbengkalai. Kelemahan itu berlaku dalam pentadbiran dulu. Ini tentulah sesuatu yang sangat mendukacitakan, tidak wajar dibiarkan berulang. Justeru, inisiatif telah diambil dan memulihkannya. Setakat ini 20 projek telah dipulihkan dan melibatkan lebih daripada 9,179 buah rumah.

Kerajaan negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memberi fokus kepada penyediaan rumah mampu milik selepas berjaya menyelesaikan projek perumahan di Bukit Botak. Satu lagi masalah berlarutan yang ditinggalkan oleh pentadbiran terdahulu tanpa penyelesaian.

Rumah mampu milik dengan keluasan 850 hingga 1,000 kaki persegi ini dikhususkan kepada golongan berpendapatan antara RM2,500 ke RM5,000 sebulan. Dianggarkan PKNS akan membina sebanyak 11,000 unit setahun. Projek sulungnya telah sudah dilancarkan di Bangi beberapa bulan yang lalu.

Apa yang saya mahu jelaskan di sini, rumah mampu milik yang akan dibina ini dijual dengan harga sekitar RM100,000 ke RM150,000. Ini adalah jauh lebih murah

berbanding dengan rumah mampu milik yang diperkenalkan oleh kerajaan dengan keluasan yang sama yang akan dijual melebihi harga RM200,000.

Saya mahu tegaskan di sini bahawa jika kita jujur dan mahu menguruskan ekonomi dengan lebih baik, perbezaan ketara yang ditunjukkan melalui projek ini tidak harus berlaku. Saya percaya produktiviti rakyat akan bertambah dan lebih baik sekiranya mereka tidak dibebankan dengan kos sara hidup yang tidak bergerak selari dengan kenaikan gaji. Lebih malang lagi jika kos ini dibebankan kepada mereka hanya untuk memperkaya sejumlah pihak yang dilindungi oleh dasar-dasar yang tempang.

Kerajaan negeri Selangor juga akan berusaha memastikan hanya mereka yang layak sahaja diberikan peluang untuk membeli rumah mampu milik ini. Kita tidak mahu mengulangi kecuaian lama di mana rumah untuk rakyat termiskin telah dibeli oleh orang yang jauh lebih besar kemampuannya dan kemudian disewakan kepada golongan sasaran sebenar. Sikap demikian adalah pengkhianatan yang tidak wajar dibiarkan.

Kerajaan juga akan memperuntukkan sejumlah RM4 juta untuk memasang kamera litar (CCTV) di kawasan-kawasan strategik dengan pencahayaan yang baik untuk tujuan peningkatan keselamatan dan pencegahan jenayah.

Yang Berhormat Dato', Yang Dipertua dan Sidang Dewan,

#### **MELESTARIKAN PEMBANGUNAN.**

Melestarikan pembangunan adalah strategi ketiga dalam belanjawan 2012. Ia bermaksud pembangunan yang mengambil kira aspek alam sekitar, khazanah seni budaya dan jurang di antara luar bandar dan bandar.

Selain daripada pembangunan kualiti asas kehidupan yang dinyatakan sebelum ini, program alam sekitar yang bersifat penyelidikan dan pendidikan akan dilaksanakan melalui peruntukan sebanyak RM400,000, pemulihan bio-kepelbagaian pula akan melibatkan perbelanjaan RM50,000.

Kerajaan negeri Selangor juga mengumumkan bahawa Teater Diraja Selangor telah dipulihkan dan boleh beroperasi pada bulan Disember nanti. Insya-Allah. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri berbesar hati untuk menambah peruntukan kebudayaan sebanyak RM500 ribu bagi tujuan ini. Program-program kebudayaan yang dimaksudkan di sini termasuk aktiviti seni dan teater serta dialog dan kolokium.

kawasan-kawasan bersejarah di Kuala Langat, Kuala Selangor dan Hulu Selangor juga akan ditambah baik. Tambahan sebanyak RM500,000 akan diberikan untuk pembangunan muzium di Istana Bandar, Jugra dan RM2.7 juta lagi bagi menaik taraf Muzium Sultan Alam Shah.

Dari aspek pembangunan desa dan luar bandar, termasuk Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun, peruntukan sejumlah RM14.5 juta akan disediakan. Ini memberikan penyediaan pusat pengumpulan hasil dan juga ekonomi desa di samping memperkasa ilmu dan kemahiran masyarakat desa. Termasuk dalam peruntukan ini ialah baik pulih infrastruktur jalan luar bandar, pembangunan kecil di kampung baru, kampung bagan serta kampung tersusun dan latihan kepada para penggerak di kawasan-kawasan terbabit. Tambahan sebanyak RM500,000 juga disediakan untuk pembangunan di pinggir bandar.

Dari aspek pembasmian kemiskinan, RM2 juta akan diperuntukkan kepada kumpulan sasar yang layak. Program pembangunan ekonomi bagi petani, nelayan dan penternak akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.2 juta. Ini tidak termasuk peruntukan sebanyak RM500,000 bagi tujuan kebajikan. Program Pembangunan Pekerja Ladang akan diperuntukkan sekurang-kurangnya RM300,000.

Pembangunan lestari yang mengambil kira kawasan dan produk yang untuk dinikmati melalui pelancongan. Bagi tujuan promosi dan pembangunan produk pelancongan termasuk kraf tangan, sebanyak RM 4.7 juta diperuntukkan. Industri kampung pula akan diberi peruntukan sebanyak RM2 juta dan promosi Industri Kecil dan Sederhana akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM300,000. Ini tidak termasuk galakan untuk satu kampung satu produk yang akan diperuntukkan sebanyak RM100,000.

Dengan insentif kepada jawatankuasa penduduk yang aktif, kerajaan negeri Selangor berhasrat memperkenalkan pelekat kenderaan untuk mengecualikan bayaran di parkir milik kerajaan tempatan masing-masing. Semoga insentif ini dapat memudahkan mereka bergerak dan menjalankan urusan kepentingan setempat.

Selain itu, latihan untuk jawatankuasa penduduk akan diberikan dengan penekanan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (*Asset-Based Community Development (ABCD)*). Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana penghakupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif penduduk menggunakan aset setempat secara optimum. Saya yakin sekiranya seluruh kemahiran ini dapat diaplikasikan, ia akan mendorong banyak penyelesaian dengan cekap.  
Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

## **MENDORONG MASYARAKAT BERILMU, BERAKHLAK MULIA DAN HIDUP SIHAT**

Seterusnya strategi keempat, kerajaan negeri Selangor akan mendorong masyarakat berilmu dan berakhlak. Hasrat ini penting kerana sesungguhnya sistem ini tidak akan bergerak sendiri melainkan digerakkan oleh manusia. Maka, sistem yang baik memerlukan masyarakat yang berilmu dan berakhlak sebagai pemacunya.

Program Pendidikan yang memuatkan antara lain Pusat Tuisyen Rakyat dan Program Pendidikan Tinggi untuk mahasiswa negeri Selangor akan menerima peruntukan sebanyak RM4 juta, masing-masing akan mendapat RM2 juta.

Selain daripada itu, Program SPIES akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta dan Program Generasi Idaman Selangor (GEMS) akan melibatkan perbelanjaan RM1 juta. Sebagai penambahbaikan kepada program ini, kerajaan Selangor akan menilai modul dan impaknya kepada para peserta yang telah mengikuti siri latihan terdahulu. Penilaian terhadap kos perunding latihan di bawah program ini juga disemak semula.

Bagi Tabung Pendidikan untuk Anak Pekerja Ladang, peruntukan berjumlah RM1 juta akan diberikan. Masyarakat Orang Asli juga diberikan peruntukan sebanyak RM100 ribu untuk pembangunan mereka. Program-program untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), anak yatim dan kanak-kanak akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1 juta. Ini tidak termasuk peruntukan sebanyak RM2 juta bagi pembasmian kemiskinan dengan pemberian khusus sebanyak RM100 ribu kepada anak-anak pesawah padi.

Untuk menggalakkan fungsi agama dan budaya sebagai sumber pendidikan akhlak dan bantuan pendidikan yang diberi untuk Sekolah Agama, Sekolah Tamil dan Sekolah Cina sebanyak RM16 juta setahun akan diteruskan. Selain daripada itu, rumah ibadat bagi agama dan kepercayaan bukan Islam akan menerima peruntukan sebanyak RM3 juta.

Seterusnya, Projek Pembangunan Belia akan diberi peruntukan sebanyak RM3.5 juta. Peruntukan lain yang banyak dikaitkan dengan anak muda juga ialah Pembangunan Sukan, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4 juta. Pusat latihan belia di Bukit Lagong juga akan ditambah baik dengan peruntukan melebihi RM100,000.

Ahli-Ahli Dewan Yang Dimuliakan,

Kerajaan Negeri Selangor juga berhasrat untuk memberi latihan bagi kemajuan wanita dan keluarga melalui peruntukan RM500,000. Adalah diharapkan melalui seluruh bantuan ini, wanita akan lebih berperanan dalam pembangunan keluarga dan masyarakat.

Bagi program latihan dan pembangunan usahawan serta latihan teknikal, sebanyak RM2.25 juta akan diperuntukkan.

Kerajaan negeri Selangor juga berhasrat untuk menambah baik kualiti perkhidmatan kerajaan melalui peruntukan latihan sebanyak RM500,000. Ini tidak termasuk kemudahan teknologi yang ditingkatkan serta perbelanjaan mengurus dan penyelidikan. Bagi meringankan beban sara hidup yang tinggi akibat kenaikan barang dan tanga gaji yang tidak seimbang, saya juga ingin mengumumkan bonus sebanyak setengah bulan gaji dengan pemberian minimum sebanyak RM500 kepada semua kakitangan awam di negeri Selangor, termasuk kakitangan di Kerajaan Tempatan.

Berkaitan dengan kepentingan membaca, saya juga ingin memaklumkan bahawa Perpustakaan Awam Negeri Selangor telah pun siap untuk digunakan dengan tarikan yang pelbagai, termasuk dewan seminar dan juga perkhidmatan teater. Saya berharap para perkumpulan ilmu boleh memanfaatkan ruang ini untuk beraktiviti. Sumbangan semua pihak untuk memastikan perpustakaan canggih dengan kos binaan sebanyak RM70 juta dapat di selenggara dengan baik serta dapat memuatkan buku-buku rujukan yang terbaik juga sangat dialukan.

Selain itu, perpustakaan desa dan daerah akan turut dimajukan, khususnya di Klang dan di Tanjung Karang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Kerajaan negeri Selangor akan menggerakkan semua syarikat yang dimiliki kerajaan untuk membuat inovasi dalam operasi mereka, di mana keuntungan diperolehi boleh membantu pertumbuhan dan program kerajaan negeri. Sebagai contoh, Kumpulan Semesta telah diberi tanggungjawab mengendalikan kelulusan perlombongan pasir dan perolehan sebanyak RM10 juta sudah disumbangkan kepada warga usia emas dalam program ‘Jom Shopping’ selepas membuat kutipan royalti sekitar RM35 juta sehingga April tahun ini. Kita menjangka kutipan royalti ini akan bertambah pada tahun hadapan memandangkan banyak projek pembangunan telah diumumkan di peringkat Persekutuan dan akan dibuat di peringkat negeri.

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor akan diteruskan pada tahun ini. Ini melibatkan Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dengan peruntukan RM 7.5 juta. Hadiah Anak Masuk Universiti sebanyak RM 7.7 juta. Skim Mesra Usia Emas sebanyak RM 20.7 juta. RM 50 ribu untuk Pusat Khidmat Serenti. RM20.5 juta untuk Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang, RM 1 juta untuk Skim Kesihatan Wanita. RM 3 juta untuk elaun anak ke Nurseri ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Selain pemberian air percuma 20 meter padu akan tetap diteruskan dan dibiayai oleh dividen syarikat milik Kerajaan Negeri.

YB Dato' Speaker dan Sidang Dewan.,

Program-program yang saya sebutkan sejak tadi adalah sebahagian apa yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun hadapan. Dengan jumlah peruntukan yang terbatas, saya ingin mengulangi sekali lagi kepentingan kualiti membuat keputusan menyelesaikan masalah di semua peringkat agar setiap perbelanjaan bakal dikeluarkan dan memberi hasil yang dijangkakan.

## **BAGAIMANA REFORMASI TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA RAKYAT SELANGOR**

Ahli Dewan yang dimuliakan,

Bagaimana reformasi telah memberi manfaat kepada rakyat Selangor. Bertahun-tahun lamanya pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat-syarikat GLC diurus secara tidak teratur, tidak berdisiplin hingga mewujudkan suasana yang bermasalah dengan amalan rasuah, perjanjian usaha sama yang berat sebelah dan pemberian projek kepada kroni yang hanya menguntungkan segelintir orang tetapi merugikan rakyat keseluruhannya.

Sejak Mac 2008, Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengamalkan reformasi dalam pentadbiran yang amat mementingkan ketelusan, kecekapan dan pertanggungjawaban serta bersih dari amalan rasuah dan kronisme.

Kini setelah empat tahun Amalan Reformasi jelas memberikan keuntungan yang nyata dan kita percaya adalah masa yang sesuai untuk memberi faedah yang dituai dari pentadbiran yang bersih tulus kepada rakyat Selangor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Justeru, Kerajaan Negeri Selangor berbesar hati untuk mengumumkan ‘Geran Selangorku’ dengan peruntukan sebanyak RM300 juta yang akan digunakan pada tahun 2012 untuk faedah rakyat Selangor.

Geran ini berasaskan dana sumbangan dividen daripada GLC Negeri serta keuntungan daripada operasi MBI yang berjaya mendapatkan hutang-hutang lapuk dari Syarikat Talam Corporation. Begitu juga hasil penstrukturkan semua projek semula projek *Canal City* dan pengenalan polisi pemberimilikan tanah mengikut harga pasaran. Jika dahulu keuntungan ini hanya dimanfaatkan oleh rakan-rakan kongsi usaha sama yang berat sebelah serta kroni orang-orang yang berkuasa, kali ini habuan besar ini kita agihkan kepada rakyat Selangor. Ini sekali gus membuktikan bahawa pentadbiran tanpa rasuah dan kronisme serta pengurusan yang cekap tiada ketirisan telah memberi manfaat kepada rakyat Negeri Selangor. Inilah hasil reformasi yang diperjuangkan oleh rakyat Selangor selama ini.

Geran ini akan diuruskan oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI) kerana MBI ada kenderaan yang paling sesuai untuk menjalankan tanggungjawab ini. Sebagai pemerbadanan yang memegang pelaburan dalam GLC Negeri, MBI mempunyai kuasa penyeliaan ke atas semu GLC Negeri dan oleh itu dapat menyelaras kutipan dana untuk geran ini. Oleh kerana pengurusan MBI adalah bersepadan dengan pentadbiran kerajaan negeri, ia mampu untuk memastikan geran di urus dengan baik dan teratur.

Program-program yang akan dilaksanakan melalui Geran Selangorku ini adalah seperti berikut:

i. **Pengenalan Gaji Minima**

Bagi syarikat mampu milik kerajaan, pengumuman telah dibuat sempena sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia bahawa gaji minima akan diperkenalkan pada kadar RM1,500 gaji kasar dan ini dimulakan oleh syarikat milikan kerajaan yang prestasi kewangannya stabil seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Worldwide. Bagi syarikat milik kerajaan negeri yang prestasi kewangannya belum stabil, dana RM 10 juta akan disediakan untuk menampung syarikat kerajaan negeri yang tidak berupaya menampung kos untuk dasar ini.

Kerajaan Selangor akan berusaha meningkatkan produktiviti negeri dan syarikat yang dimiliki supaya ia layak melaksanakan gaji minima. Pemberian gaji minima ini akan disokong oleh produktiviti pekerja dan akan diselaras agar bersesuaian dengannya. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemuliaan insan dan tidak diberikan secara unilateral. Hasrat sebenar bukanlah untuk menabur wang tetapi untuk memberi tambahan pengetahuan dan kemahiran kepada pekerja yang berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan mereka tidak lagi bergantung kepada pemberian pada masa akan datang tetapi mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk bersaing dan boleh diguna untuk mencapai gaji yang baik.

ii. **Program Memperkasakan Wanita**

Geran terhad dengan peruntukan sebanyak RM30 juta akan disediakan untuk Program Memperkasakan Wanita. Ia bertujuan untuk mendorong kesetaraan jantina, membasmi kemiskinan dan membantu penyelesaian pelbagai isu berkaitan wanita. Ini termasuk program keusahawanan sosial (social enterprise) untuk mereka. Keusahawanan sosial adalah pendekatan yang kian popular di dunia di mana strategi niaga digunakan untuk mencapai tujuan sosial yang lazimnya hanya dilakukan oleh yayasan atau badan kebajikan.

iii. **Program Keusahawanan Muda**

Generasi muda akan diberi peluang menambah nilai perniagaan mereka melalui geran yang terhad sebanyak RM 50 juta. Tumpuan ini diberikan kepada inovasi yang boleh memberi kelebihan bandingan.

iv. **Pembinaan Infrastruktur Sukan**

Kemudahan infrastruktur sukan akan ditambah dan juga ditingkatkan berdasarkan keperluan dengan peruntukan sejumlah RM30 juta.

v. **Program Sokongan Pendidikan**

Sebanyak RM30 juta akan disalurkan untuk sokongan pendidikan kepada sekolah-sekolah yang sangat memerlukan bantuan khususnya dalam menyediakan kemudahan asas bagi pendidikan. Kerajaan Negeri Selangor percaya bahawa isu ini memerlukan perhatian khas semua pihak kerana jurang yang pelbagai dalam masyarakat hanya ditangani dengan lebih baik jika pendidikan berkualiti dapat disediakan.

vi. **Program Dari Kebajikan Kepada Pekerjaan (*From Welfare to Work*)**

Sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutama bagi golongan yang bergantung dengan bantuan kebajikan maka satu program akan diatur untuk mereka keluar daripada kepompong tersebut. Hasrat Kerajaan adalah melahirkan rakyat Selangor yang bermaruah dan berjati diri. Peruntukan sebanyak RM20 juta akan diberikan dalam bentuk penempatan latihan vokasional dan kemahiran bagi membolehkan peserta mendapatkan pekerjaan.

vii. **Program Jangkaan Kehidupan Bandar (*Urban Living*)**

Kerajaan Negeri Selangor juga percaya perubahan corak pembangunan juga penting untuk ditelah. Ia melibatkan kajian tentang kualiti dan kuantiti pertumbuhan persekitaran dan hubung kait dan integrasi kawasan dengan kawasan lain serta corak ekonomi dan sosial setempat. Adalah penting untuk kita semua menjangka kehidupan pada masa akan datang agar kita usahakan dapat dilakukan dengan lebih baik dan tidak berlaku kejutan dalam rancangan pembangunan serta budaya. Pada masa yang sama, alternatif perkampungan Bandar (urbanisasi) juga boleh diteroka sebagai pilihan. Peruntukan RM10 juta telah diberi untuk program ini.

viii. **Program Pembasmian Rasuah dan Penyelewengan**

Menganggap Rasuah sebagai satu musuh utama bagi Negara yang tidak memadai andai tiada usaha untuk menanganinya. Statistik menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke 56 indeks rasuah amat mengerikan. Justeru, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Pembasmian Rasuah dan Penyelewengan. Sebanyak RM15 juta akan diperuntukkan untuk masyarakat madani menggerakkan program ini alam bentuk geran terhad. Pelapor kes rasuah dan penyelewengan di dalam agensi Kerajaan Negeri Selangor yang berjaya dibuktikan juga akan diberikan hadiah oleh Kerajaan Negeri.

**ix. Program Pengukuhan Demokrasi**

Kerajaan Negeri Selangor juga percaya bahawa demokrasi harus mencerminkan kuasa rakyat dalam membuat pilihan adil dan bebas. Kuasa ini seharusnya ditunjuk melalui proses pilihan raya yang adil dan bebas sangat penting kerana rakyat berhak mendapat sebuah kerajaan yang baik untuk masa depan generasi akan datang. Justeru, peruntukan sebanyak RM5 juta akan disediakan bagi geran terhad dalam mengukuhkan Proses Pilihan Raya yang adil dan bebas di Malaysia. Ini melibatkan aktiviti kesedaran dan juga latihan sukarelawan serta pemantau pilihan raya.

**x. Program Pengukuhan Budaya**

Pengukuhan budaya dalam masyarakat Malaysia adalah sangat penting kerana elemen budaya sarat dengan nilai tinggi berkaitan dengan kehidupan dan kemanusiaan. Justeru, peruntukan sebanyak RM3 juta akan diberikan dalam bentuk geran terhad kepada para aktivis budaya untuk merancakkan aktiviti di negeri ini.

**xi. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar**

Untuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, RM3 juta akan diperuntukkan bagi Projek Konservasi Bakau serta Projek Pemeliharaan Permatang Kuartza Klang Gates yang merupakan permatang kuartza terpanjang di dunia.

**xii. Program Peningkatan Kualiti Hidup Rakyat**

Peruntukan sebanyak RM5 juta diperuntukkan untuk mengkaji dan merancang program meningkatkan taraf kesihatan rakyat Selangor terutama warga emas dan juga orang kelainan upaya.

**xiii. Program Dari Pejabat Kepada Rakyat**

Sejumlah RM20 juta diperuntukkan bagi program memastikan rakyat mudah mendapat perkhidmatan dari kerajaan negeri termasuk perkhidmatan on line di pejabat-pejabat tanah. Program ini juga bertujuan menggerakkan pejabat-pejabat tanah kepada rakyat bagi menggantikan cara konvensional dimana rakyat akan berpusu-pusu ke pejabat tanah untuk urusan tanah mereka. Ini termasuklah membuat semakan/carian hingga ke membayar cukai-cukai tanah. Perkara ini penting kerana pada kebanyakan masa nilai cukai yang muah dibayar jauh lebih rendah berbanding kos pengangkutan dan kos

penyelenggaraan. Dengan cara ini akan mampu mengurangkan belanja mengurus yang akhirnya membawa kepada pengurangan terhadap cukai.

**xiv. Penggerak Pembangunan Luar Bandar.**

Peruntukan sebanyak RM22 juta diperuntukkan kepada program penggerak pembangunan Luar Bandar yang mana program ini mensasar kepada penduduk luar bandar yang berpendapatan kecil seperti petani dan nelayan. Program ini termasuk antara lain pembinaan infrastruktur dan program pemasaran hasil petani dan pekebun kecil.

**xv. Program Peningkatan Kemahiran Penjawat Awam.**

Penjawat awam harus meningkatkan kemahiran mereka setara dengan sektor swasta. Justeru Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi program latihan dan kursus bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kecekapan penjawat awam.

**xvi. Program Penerangan maklumat Negeri.**

Peruntukan sejumlah RM10 juta diperuntukkan bagi memberi penerangan kepada rakyat tentang polisi dan program-program kerajaan negeri serta meningkatkan tahap informasi rakyat Selangor.

**xvii. Pembaikan Infrastruktur.**

Sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat terutama para pengguna kemudahan awam. Ini termasuk dana bagi pembaikan jalan raya dan juga perparitan di seluruh negeri.

Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

**PERUNTUKAN BELANJAWAN 2012**

Berbalik kepada peruntukan belanjawan daripada hasil negeri, izinkan saya membentang jumlah dan pecahannya untuk negeri Selangor bagi tahun 2012.

Hasil Cukai bagi tahun 2012 dianggarkan bertambah sebanyak RM574,674,000, berbanding RM530,980,000 pada tahun lalu. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 8.23% atau RM43,694,000.

Bagi Hasil Bukan Cukai, pertambahan dijangka sebanyak RM187,439,380 atau 40.12%, daripada RM467,164,360 kepada RM654,603,740.

Namun, Terimaan Bukan Hasil dijangka berkurangan daripada RM431,855,640 kepada RM370,722,260, iaitu sebanyak RM61,133,380 atau -14.16%.

Dengan jumlah anggaran hasil untuk tahun 2012 ini, saya ingin mencadangkan RM1,600 juta atau RM1.6 bilion sebagai jumlah peruntukan bagi Belanjawan 2012, iaitu

kenaikan sebanyak 11.89% berbanding RM1,430 juta atau RM1.43 bilion jumlah Belanjawan 2011.

Daripada jumlah ini, RM1,000 juta atau RM1 bilion akan diperuntukkan untuk belanja mengurus dan RM600 juta diperuntukkan untuk belanja pembangunan.

Daripada RM1 bilion belanja mengurus, agihan dibuat untuk emolumen sebanyak 32.3% atau RM323,085,383; bekalan dan perkhidmatan sebanyak 37.1% atau RM371,387,272; aset sebanyak 0.8% atau RM8,079,568, pemberian dan kenaan bayaran tetap sebanyak 28.4% atau RM284,182,697 dan belanja lain sebanyak 1.5% atau RM13,265,080.

Sementara itu, daripada jumlah RM600 juta belanja pembangunan yang akan diagihkan kepada sektor-sektor utama, Sektor Infrastruktur akan diperuntukkan sebanyak 68% atau RM411,091,860; Sektor Sosial sebanyak 17% atau RM100,060,130; Sektor Ekonomi sebanyak 14% atau RM84,240,010 dan Sektor Perbandaran sebanyak 1% atau RM4,608,000.

Dengan mengambil kira Geran Selangorku sebanyak RM300 juta dan Belanjawan Berimbang sebanyak RM1.6 bilion, belanjawan penuh Selangor bagi tahun 2012 ialah sebanyak RM1.9 bilion.

Sidang Dewan yang dimuliakan,

Belanjawan 2012 Negeri Selangor adalah Belanjawan berimbang dengan hasrat yang tinggi untuk memastikan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan dapat diterjemahkan nilainya. Ia berbeza dengan Bajet Persekutuan yang banyak bersifat pemberian sekali (*one-off*). Sebaliknya Belanjawan 2012 ini dirancang untuk menekankan aspek kelestarian melalui peningkatan kemahiran serta pembangunan infrastruktur. Dalam jangka panjang Belanjawan ini dijangka akan mengurangkan penggantungan berterusan rakyat kepada bantuan kerajaan. Kerajaan Pusat pada masa yang sama mengamalkan budaya meminjam untuk berbelanja sedangkan reformasi yang diamalkan kerajaan Selangor bukan sahaja bijak berbelanja tetapi juga bijak mencari sumber pendapatan baharu.

Selangorku adalah mesej bahawa negeri ini adalah milik kita bersama. Hasil Negeri untuk Rakyat adalah mesej untuk kita bekerja dengan penuh tanggungjawab.

Saya memohon kepada Allah *Subhanahu WaTa'ala* agar kita semua diberikan petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kesetiaan untuk melaksanakan keadilan kepada semua.

Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Demikianlah pembentangan Belanjawan 2012 Negeri Selangor. Semoga dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul dengan baik dapat menjadikan negeri ini sejahtera dan diampuni Allah *Subhanahu WaTa'ala (Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur)*.

Saya dengan ini mohon mencadangkan. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2) sesudah cadangan dibacakan, Rang Undang-undang dibacakan kali Kedua disokong, perbahasan hendaklah ditangguhkan dan dewan akan disambung semula pada hari Khamis 10 November 2011, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 petang)